**SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK**

**BILANGAN 14 TAHUN 2023**

---

# KAEDAH UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (PERKARA AKADEMIK) PERINGKAT SARJANA MUDA

# KAEDAH UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (PERKARA AKADEMIK) PERINGKAT DIPLOMA

# (PINDAAN 2023)

---

Bahagian Hal Ehwal Akademik
12 September 2023

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Pendaftar
Pegawai-Pegawai Kanan

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

12 September 2023

**SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK**
**BILANGAN 14 TAHUN 2023**

**KAEDAH UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (PERKARA AKADEMIK) PERINGKAT SARJANA MUDA**

**KAEDAH UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (PERKARA AKADEMIK) PERINGKAT DIPLOMA**

**(PINDAAN 2023)**

## 1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan pihak Universiti atas kelulusan Senat Kali Ke-226 Bilangan 9/2023 yang bersidang pada 12 September 2023 telah bersetuju dengan pemakaian Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perkara Akademik) Peringkat Sarjana Muda dan Diploma.

## 2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perkara Akademik) disediakan untuk mentadbir, menyelia dan menyelaras hal ehwal akademik bagi program pengajian yang membawa kepada pengurniaan Sarjana Muda dan Diploma yang ditawarkan oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris serta perkara lain yang berkaitan dengannya.

2.2 Sehingga kini, Kaedah Universiti telah melalui beberapa peringkat penambahbaikan dan kali terakhir adalah Pindaan 2021.

**PERBANDINGAN PINDAAN KAEDAH UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (PERKARA AKADEMIK) (PINDAAN 2023)**

## 3.1 PERINGKAT SARJANA MUDA

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| **TAJUK** | KAEDAH UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (PERKARA AKADEMIK) PERINGKAT SARJANA MUDA | **Kekal** |
| **KEMASUKAN** | Tiada | **1. Pertukaran Program Pengajian**<br><br>1.1 Permohonan pertukaran program pengajian perlu dikemukakan kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) melalui Dekan Fakulti dengan kaedah yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.<br><br>1.2 Pelajar semester pertama pengajian tidak dibenarkan memohon pertukaran program.<br><br>1.3 Permohonan pertukaran program pengajian adalah mulai semester kedua hingga semester keempat pengajian sahaja. Sekiranya permohonan diluluskan, pelajar akan mengikuti program baharu pada semester berikutnya.<br><br>1.4 Pelajar hendaklah memenuhi syarat kemasukan bagi program yang dimohon.<br><br>1.5 Semua kursus daripada program asal akan diambil kira dalam pengiraan PNGK.<br><br>1.6 Tempoh pengajian program asal akan diambil kira sebagai tempoh pengajian di Universiti.<br><br>1.7 Keputusan pertukaran adalah muktamad. Surat kelulusan pertukaran program dikeluarkan oleh BHEA. |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | Tiada | **2. Pertukaran Universiti**<br><br>2.1 Pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris<br><br>Permohonan perlu menggunakan borang yang ditetapkan melalui Dekan dan dikemukakan untuk tindakan Bahagian Hal Ehwal Akademik.<br><br>2.2 Pelajar UA lain yang ingin bertukar ke Universiti Pendidikan Sultan Idris<br><br>2.2.1 Permohonan dibuat melalui universiti asal dan penerimaan masuk perlu diperakukan oleh Dekan program yang dipohon di Universiti Pendidikan Sultan Idris dan diluluskan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa).<br><br>2.2.2 Pelajar yang memohon perlu memenuhi syarat-syarat kemasukan program yang dipohon.<br><br>2.2.3 Pelajar yang diterima untuk bertukar universiti boleh memohon untuk pemindahan kredit. |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| **PENDAFTARAN DAN REKOD** | **3.1 Daftar Sebagai Pelajar Universiti**<br><br>3.1.1 Seseorang yang mendapat tawaran untuk mengikuti program pengajian hendaklah mendaftar sebagai pelajar universiti pada tarikh pendaftaran rasmi yang ditetapkan.<br><br>3.1.2 Atas sebab-sebab yang dibenarkan oleh universiti, pelajar boleh mendaftar pada tarikh yang ditetapkan.<br><br>**3.2 Daftar Semester**<br><br>3.2.1 Setiap pelajar hendaklah mendaftar diri pada hari pertama setiap semester dan pelajar yang belum membuat pendaftaran kursus perlu membuat pendaftaran kursus dengan denda.<br><br>3.2.2 Sekiranya gagal, pelajar perlu memohon kebenaran Dekan untuk mendaftar dalam tempoh seminggu selepas semester bermula.<br><br>**3.3 Daftar Kursus**<br><br>3.3.1 Pelajar perlu mendaftar kursus pada setiap semester untuk memenuhi tempoh pengajian dan struktur pengajian mengikut syarat-syarat pengijazahan.<br><br>3.3.2 Pelajar perlu mendaftar kursus pada setiap semester dengan had minimum dua belas (12) kredit dan maksimum dua puluh (20) kredit kecuali | **3.1 Kekal**<br><br>3.1.1 **Kekal**<br><br>3.1.2 **Kekal**<br><br>**3.2 Daftar Semester (Pelajar sedia ada)**<br><br>3.2.1 Setiap pelajar sedia ada hendaklah membuat pendaftaran semester seminggu sebelum semester bermula sehingga selewat-lewatnya pada hari ketiga minggu pertama setiap semester.<br><br>3.2.2 Sekiranya gagal mendaftar semester mengikut tempoh, pelajar perlu memohon kebenaran Dekan untuk mendaftar semester dengan dikenakan denda.<br><br>**3.3 Daftar Kursus (Pelajar sedia ada)**<br><br>3.3.1 Pelajar sedia ada perlu mendaftar kursus pada setiap semester untuk memenuhi tempoh dan struktur pengajian mengikut syarat-syarat pengijazahan.<br><br>3.3.2 **Kekal** |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
| --- | --- | --- |
| | pelajar semester akhir. Had maksimum di atas tidak termasuk kredit praktikum/latihan mengajar/latihan industri serta projek. | |
| | 3.3.3 Pelajar perlu mendaftar praktikum/latihan mengajar/latihan industri sebelum membuat pendaftaran penempatan. | 3.3.3 **Kekal** |
| | 3.3.4 Pelajar boleh membuat pendaftaran kursus tidak melebihi dua puluh satu (21) kredit kecuali kes-kes khas dengan syarat mendapat PNGK 3.25 ke atas dan dengan kelulusan Dekan. | 3.3.4 Pelajar boleh membuat pendaftaran kursus tidak melebihi 22 kredit kecuali kes-kes khas dengan syarat mendapat PNGK 3.25 ke atas dan dengan kelulusan Dekan. |
| | 3.3.5 Pelajar yang memilih untuk mendaftar Kursus Audit, wajib membuat pengesahan tentang status kursus tersebut. Kursus Audit tidak boleh ditukarkan kepada Kursus Pengayaan Diri.<br><br>Jam kredit Kursus Audit tidak diambil kira dalam pengiraan jumlah jam kredit dan pengiraan PNGS/PNGK. Hanya diberi catatan Gred U sahaja. | 3.3.5 **Kekal** |
| | 3.3.6 Maksimum kredit bagi pelajar yang berstatus 'amaran' dan 'percubaan' adalah dua belas (12) kredit. | 3.3.6 **Kekal** |
| | 3.3.7 Pelajar perlu membuat pra pendaftaran kursus bermula pada minggu ke-11 semester berkenaan dalam tempoh tiga (3) minggu dari tarikh yang dinyatakan oleh Universiti. | 3.3.7 Pelajar perlu membuat pra pendaftaran kursus bermula pada minggu ke-10 semester berkenaan dalam tempoh empat (4) minggu dari tarikh yang dinyatakan oleh Universiti. |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
| --- | --- | --- |
| | 3.3.8 Tertakluk kepada perkara 3.3.1, setiap pelajar perlu mendaftar kursus melalui Sistem Maklumat Pelajar. | 3.3.8 **Kekal** |
| | 3.3.9 Setiap pelajar yang hendak membuat pendaftaran kursus hendaklah berbincang dan mendapat persetujuan Penasihat Akademik (PA) sebelum membuat pendaftaran kursus. | 3.3.9 **Kekal** |
| | 3.3.10 Pelajar bertanggungjawab memastikan tiada sebarang kesilapan dalam rekod pendaftaran kursus. | 3.3.10 **Kekal** |
| | 3.3.11 Pelajar yang mendaftar kursus kurang daripada 12 jam kredit akan diarahkan untuk menangguhkan pengajian pada semester berkenaan kecuali:<br>3.3.11.1 pelajar semester akhir.<br>3.3.11.2 kes-kes khas dengan kelulusan Dekan. | 3.3.11 **Kekal** |
| | 3.3.12 Pelajar yang tidak mendaftar kursus dalam tempoh dua (2) minggu selepas semester bermula tanpa kebenaran Dekan akan digugurkan status dari universiti. | 3.3.12 **Kekal** |
| | **3.4 Pendaftaran Kursus Lewat**<br>Pelajar yang lewat mendaftar kursus iaitu selepas minggu kedua kuliah akan dikenakan denda. | **3.4 Kekal** |
| | **3.5 Gugur/Tambah Kursus** | **3.5 Gugur/Tambah Kursus** |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
| --- | --- | --- |
| | 3.5.1 Gugur Kursus<br><br>i. Pelajar dibenarkan membuat pengguguran kursus yang telah didaftarkan mulai minggu pertama (1) sehingga minggu ketujuh (7) selepas semester bermula.<br><br>ii. Tiada gugur kursus dibenarkan selepas minggu kuliah berakhir pada minggu ke-14, kecuali atas masalah kesihatan yang disahkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan atau justifikasi lain yang difikirkan wajar berdasarkan budi bicara Dekan Fakulti.<br><br>3.5.2 Tambah Kursus<br><br>i. Pelajar boleh menambah kursus dalam tempoh dua (2) minggu selepas semester bermula setelah mendapat persetujuan pensyarah yang mengajar kursus berkenaan.<br><br>ii. Daftar kursus secara berdenda boleh dibuat sehingga minggu ketiga (3) sahaja. Pendaftaran kursus selepas tempoh tersebut tidak dibenarkan.<br><br>**3.6 Mengulang Kursus**<br><br>3.6.1 Pelajar yang memperoleh Gred C- dan ke bawah bagi mana-mana kursus Teras (tertakluk kepada pilihan fakulti), kursus Bahasa Inggeris (Komponen | 3.5.1 Gugur Kursus<br><br>i. Pelajar dibenarkan membuat pengguguran kursus yang telah didaftarkan mulai minggu pertama (1) sehingga minggu empat (4) selepas semester bermula.<br><br>ii. Tiada gugur kursus dibenarkan selepas minggu (4), kecuali atas masalah kesihatan yang disahkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan atau justifikasi lain yang difikirkan wajar berdasarkan budi bicara Dekan Fakulti.<br><br>3.5.2 Tambah Kursus<br><br>i. Pelajar boleh menambah kursus dalam tempoh dua (2) minggu selepas semester bermula mengikut kapasiti yang ditawarkan.<br><br>ii. Daftar kursus secara berdenda boleh dibuat sehingga minggu ketiga (3) sahaja sekiranya mendapat persetujuan pensyarah yang mengajar kursus berkenaan. Pendaftaran kursus selepas tempoh tersebut tidak dibenarkan.<br><br>**3.6 Kekal**<br><br>3.6.1 **Kekal** |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | Kursus Universiti) dan kursus Profesional Pendidikan (bagi program Sarjana Muda Pendidikan) diwajibkan mengulang kursus berkenaan. | |
| | 3.6.2 Pelajar yang mendapat Gred C- dan ke bawah dalam mana-mana kursus selain di perkara 3.6.1 boleh mengulang kursus tersebut atau kursus gantian yang setara untuk memperbaiki PNGK. | 3.6.2 **Kekal** |
| | 3.6.3 Bagi Pelajar yang memperoleh Gred B- ke bawah dalam Praktikum / Latihan Mengajar, pelajar diwajibkan mengulang Praktikum / Latihan Mengajar tersebut sebanyak satu (1) kali sahaja. | 3.6.3 Pelajar yang memperoleh Gred B- **dan** ke bawah dalam kursus Praktikum / Latihan Mengajar / Latihan Industri / Internship Kaunseling / Kerja Lapangan **atau yang** setara, pelajar diwajibkan mengulang kursus tersebut sebanyak satu (1) kali sahaja. |
| | 3.6.4 Bagi Pelajar yang memperoleh Gred C ke bawah dalam Latihan Industri, pelajar diwajibkan mengulang Latihan Industri tersebut sebanyak satu (1) kali sahaja. | 3.6.4 **Digugurkan** |
| | 3.6.5 Pelajar yang mendapat Gred C- dan ke bawah bagi kursus teras major (tertakluk kepada pilihan fakulti) wajib mengulang kursus tersebut dan lulus sekurang-kurangnya pada gred C sebagai syarat untuk bergraduat. | 3.6.5 **Kekal** |
| | 3.6.6 Bagi setiap kursus yang diulang, hanya Gred yang terbaik akan diambil kira dalam pengiraan PNGK dan keputusan asal yang berkaitan kekal dicatatkan dalam transkrip. | 3.6.6 **Kekal** |
| | **3.7 Pemindahan Kredit Tanpa Gred (Pengecualian Kredit)** | **3.7 Kekal** |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
| --- | --- | --- |
| | 3.7.1 Pemindahan kredit boleh dilakukan dalam dua kategori seperti berikut:<br><br>i. Vertikal - pemindahan kredit daripada peringkat rendah ke peringkat yang lebih tinggi seperti diploma ke sarjana muda.<br><br>ii. Horizontal - pemindahan kredit daripada program di tahap kelayakan yang sama seperti diploma ke diploma atau sarjana muda ke sarjana muda. | 3.7.1 **Kekal** |
| | 3.7.2 Pelajar dibenarkan memohon pemindahan kredit daripada fakulti dalam semester pertama iaitu dalam tempoh empat (4) minggu selepas mendaftar sebagai pelajar Universiti. | 3.7.2 **Kekal** |
| | 3.7.3 Pemindahan Kredit Secara Vertikal<br>3.7.3.1 Dibenarkan dengan pindahan maksimum sebanyak 50% daripada jumlah kredit program dengan memperoleh sekurang-kurangnya Gred B bagi kursus-kursus berkenaan.<br><br>3.7.3.2 Pemindahan kredit daripada kelayakan yang lebih tinggi ke program di peringkat yang lebih rendah adalah tidak dibenarkan. (Dasar Pindah Kredit MQA) | 3.7.3 **Kekal** |
| | 3.7.4 Senarai kursus yang dianggap setara oleh fakulti perlu mendapat kelulusan Dekan. | 3.7.4 **Kekal** |

| PERKARA | ASAL<br>(TAHUN 2021) | BAHARU<br>(TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | 3.7.5 Kriteria pengecualian kredit adalah seperti berikut:-<br><br>3.7.5.1 Memperoleh sekurang-kurangnya Gred B bagi kursus-kursus berkenaan.<br><br>3.7.5.2 Kursus tidak melebihi tempoh lima (5) tahun.<br><br>3.7.5.3 Tiada had untuk pengecualian kredit kepada pelajar yang telah mempunyai kelayakan (*Dasar pindah kredit yang ditetapkan oleh MQA*<br><br>3.7.5.4 Kursus yang dipohon untuk pengecualian kredit perlu mempunyai kesetaraan kurikulum tidak kurang 80% dengan kursus yang ditawarkan. *(Dasar pindah kredit yang ditetapkan oleh MQA)*<br><br>3.7.5.5 Kursus untuk pindah kredit mempunyai nilai kredit yang sama dengan nilai kredit kursus bagi program PPT penerima. (Dasar pindah kredit yang ditetapkan oleh MQA)<br><br>3.7.5.6 Kursus yang boleh dipindahkan kredit hendaklah daripada program yang mendapat Akreditasi/ Pengiktirafan dari badan yang berautoriti di negara berkenaan. | 3.7.5 **Kekal** |

| PERKARA | ASAL<br>(TAHUN 2021) | BAHARU<br>(TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | 3.7.6 Pemindahan Kredit Secara Horizontal<br><br>3.7.6.1 Tiada had pemindahan kredit bagi pelajar yang telah memiliki kelayakan dan ingin melanjutkan pelajaran kali kedua dalam peringkat yang sama di universiti yang sama.<br><br>3.7.6.2 Kriteria pemindahan kredit adalah tertakluk kepada Pekara 3.7.5. | 3.7.6 **Kekal** |
| | 3.7.7 Permohonan pengecualian kursus oleh pelajar perlu mengemukakan sinopsis kursus terlibat. | 3.7.7 **Kekal** |
| | 3.7.8 Kursus yang diberi pengecualian tidak diambil kira dalam pengiraan PNGS dan PNGK. | 3.7.8 **Kekal** |
| | 3.7.9 Permohonan pemindahan kredit yang diterima selepas pelajar berada dalam semester kedua pengajian dan seterusnya **tidak akan dipertimbangkan**. | 3.7.9 **Kekal** |
| | **3.8 Pemindahan Kredit Dengan Gred**<br><br>3.8.1 Pindah kredit dengan gred adalah secara horizontal bagi pelajar yang berada dalam sistem (pelajar yang masih dalam pengajian). Kredit dikira dalam kredit bergraduat pelajar dan gred kursus diambil kira dalam pengiraan PNGS dan PNGK.<br><br>3.8.2 Senarai kursus yang dianggap setara oleh fakulti perlu mendapat kelulusan Dekan. | **3.8 Kekal** |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
| --- | --- | --- |
| | 3.8.2.1 Tertakluk kepada perkara 3.7.5.<br><br>3.8.2.2 Nilai kredit kursus berkenaan perlu sama dengan nilai kredit kursus bagi program di UPSI.<br><br>3.8.2.3 Kursus yang dipindahkan kredit akan diambil kira dalam pengiraan PNGS dan PNGK untuk pengijazahan. | |
| | **3.9 Pemindahan Kredit APEL (C)**<br><br>Pengecualian kredit maksimum 60% bagi gabungan pindah kredit yang melibatkan kelayakan akademik dan Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu bagi Tujuan Penganugerahan Kredit [APEL (C)], Massive Open Online Courses (MOOC) dan Micro-Credential (MC). | **3.9 Pemindahan Kredit APEL.C**<br><br>Pengecualian kredit maksimum 60% bagi gabungan pindah kredit yang melibatkan kelayakan akademik dan Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu bagi Tujuan Penganugerahan Kredit APEL.C, *Massive Open Online Courses* (MOOC) dan *Micro-credentials* (MC).<br>• Rujuk Garis Panduan Permohonan APEL (C) Pindaan 2018 UPSI<br>• Rujuk Garis Panduan Pembangunan *Massive Open Online Course* (MOOC) UPSI Tahun 2023<br>• Rujuk Garis Panduan Amalan Baik : *Micro-credentials* (surat makluman MQA Bil. 8/2020 bertarikh 10 Ogos 2020) |
| | **3.10 Penyemakan Pendaftaran Kursus**<br><br>Pelajar perlu menyemak dan mengesahkan kursus-kursus yang telah didaftarkan pada minggu ke lapan (8) semester semasa. | **3.10 Penyemakan Pendaftaran Kursus**<br><br>Pelajar perlu menyemak dan mengesahkan kursus-kursus yang telah didaftarkan pada minggu ke lapan dan sembilan semester semasa. |
| | **4. Keperluan Kehadiran Kursus** | **4. Keperluan Kehadiran Kursus** |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | 4.1 Pelajar wajib hadir semua kuliah, tutorial, makmal, studio atau aktiviti lain yang berhubung dengan kursus pengajiannya termasuk pelajar yang mendaftar Kursus Audit. | 4.1 **Kekal** |
| | 4.2 Kehadiran yang kurang daripada 80% menyebabkan pelajar dihalang daripada menduduki peperiksaan akhir kursus berkenaan. | 4.2 Kehadiran yang kurang daripada 80% tanpa alasan yang dibenarkan menyebabkan pelajar dihalang daripada menduduki peperiksaan akhir kursus berkenaan. Alasan yang dibenarkan merujuk kepada pelajar yang mengalami masalah kesihatan yang disahkan oleh pegawai perubatan kerajaan atau mewakili universiti dalam acara sukan atau menjalani aktiviti yang diarahkan oleh kerajaan atau universiti untuk tempoh tertentu yang diluluskan oleh Dekan. |
| | 4.3 Bagi kursus yang tiada peperiksaan akhir, pelajar wajib hadir semua kuliah, tutorial, makmal, studio atau aktiviti lain berhubung kursus berkaitan. Kehadiran yang kurang daripada 80% boleh menjejaskan pencapaian pelajar dalam kursus berkenaan. | 4.3 **Kekal** |
| | 4.4 Perkara 4.1, 4.2 dan 4.3 boleh dikecualikan kepada pelajar yang mengalami masalah kesihatan yang disahkan oleh pegawai perubatan kerajaan atau mewakili negara dalam acara sukan atau menjalani aktiviti yang diarahkan oleh kerajaan atau universiti untuk tempoh tertentu yang diluluskan oleh Dekan. | 4.4 **Digugurkan** |
| | 4.5 Perkara 4.1 dan 4.3 di atas turut terpakai kepada pelajar yang mendaftar Kursus Audit. | 4.5 **Digugurkan** |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
| --- | --- | --- |
| | **5. Penangguhan Pengajian** | **5. Kekal** |
| | 5.1 Pelajar yang ingin menangguh pengajian perlu mengisi permohonan melalui portal pelajar untuk kelulusan Dekan. | 5.1 Pelajar yang ingin menangguh pengajian perlu mengisi permohonan melalui portal pelajar untuk kelulusan fakulti. |
| | 5.2 Pelajar semester pertama pengajian tidak dibenarkan untuk menangguh pengajian kecuali atas sebab kesihatan yang disahkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan dan kes-kes khas yang diluluskan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa). | 5.2 **Kekal** |
| | 5.3 Permohonan penangguhan pengajian hanya boleh dibuat sehingga minggu ke-6 kuliah kecuali atas sebab kesihatan (diperakui oleh Pegawai Perubatan Kerajaan) dan budi bicara Dekan. | 5.3 Pelajar semester dua dan ke atas boleh membuat penangguhan pengajian sehingga minggu ke-6 kuliah kecuali atas sebab kesihatan (diperakui oleh Pegawai Perubatan Kerajaan) dan budi bicara Dekan. |
| | 5.4 Kelulusan penangguhan pengajian kepada pelajar yang menghadapi masalah kesihatan sahaja tidak akan diambil kira dalam jumlah pengiraan semester yang dibenarkan dalam pengijazahan. | 5.4 **Kekal** |
| | 5.5 Pelajar tidak dibenarkan membuat penangguhan pengajian selama dua (2) semester berturut-turut kecuali atas masalah kesihatan dan disahkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan. | 5.5 **Kekal** |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
| --- | --- | --- |
| | 5.6 Bagi rayuan penangguhan pengajian melebihi dua (2) semester berturut-turut atas faktor kesihatan kritikal, pelajar diwajibkan mengemukakan laporan perubatan terkini dari Pegawai Perubatan Kerajaan. | 5.6 **Kekal** |
| | 5.7 Tempoh maksimum penangguhan berturut-turut yang dibenarkan ialah lapan (8) semester sahaja setelah mendapat perakuan penilaian oleh Pusat Kesihatan UPSI. | 5.7 Tempoh maksimum penangguhan berturut-turut yang dibenarkan ialah lapan (8) semester sahaja setelah mendapat perakuan penilaian oleh Pusat Kesihatan UPSI. Perakuan penilaian oleh Pusat Kesihatan UPSI hendaklah dibuat setiap dua (2) semester sepanjang tempoh penangguhan. |
| | 5.8 Pelajar yang mewakili negara dalam acara sukan atau menjalani aktiviti yang diarahkan oleh kerajaan atau Universiti boleh diberi kelulusan khas untuk menangguhkan pengajian maksimum tiga (3) Semester. Penangguhan tersebut tidak diambil kira dalam jumlah pengiraan semester yang dibenarkan dalam pengijazahan. | 5.8 Pelajar yang mewakili universiti dalam acara sukan atau menjalani aktiviti yang diarahkan oleh kerajaan atau Universiti boleh diberi kelulusan khas untuk menangguhkan pengajian maksimum tiga (3) Semester. Penangguhan tersebut tidak diambil kira dalam jumlah pengiraan semester yang dibenarkan dalam pengijazahan. |
| | 5.9 Pelajar sepenuh masa yang bekerja tertakluk kepada Perkara 2 Tempoh Pengajian dan Perkara 5.5 Penangguhan Pengajian. Sekiranya tidak memenuhi peraturan di atas pelajar akan digugurkan status. | 5.9 **Digugurkan** |
| | **6. Menarik Diri/Berhenti Daripada Pengajian** | **6. Kekal** |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | 6.1 Pelajar yang berhasrat untuk menarik diri atau berhenti daripada pengajian boleh membuat permohonan melalui portal pelajar untuk perakuan Ketua Jabatan dan kelulusan Dekan. | 6.1 Pelajar yang berhasrat untuk menarik diri atau berhenti daripada pengajian boleh membuat permohonan melalui portal pelajar untuk kelulusan fakulti. |
| | 6.2 Pelajar adalah bertanggungjawab menyelesaikan semua hutang dan memulangkan bahan-bahan pinjaman yang menjadi hak milik Universiti. | 6.2 **Kekal** |
| | 6.3 Permohonan menarik diri atau berhenti adalah pilihan pelajar sendiri. Sehubungan itu, permohonan yang telah diluluskan adalah muktamad dan TIADA rayuan meneruskan pengajian yang boleh dipertimbangkan. | 6.3 **Kekal** |
| | **7. Gugur Status Sebagai Pelajar** | **7. Kekal** |
| | 7.1 Status seseorang pelajar universiti akan gugur sekiranya: | 7.1 **Kekal** |
| | 7.1.1 Tidak mendaftar semester dalam tempoh dua (2) minggu selepas semester bermula tanpa memberi sebab secara bertulis kepada Dekan berkenaan. | 7.1.1 Tidak mendaftar **semester** dalam tempoh dua (2) minggu selepas semester bermula tanpa memberi sebab secara bertulis kepada Dekan berkenaan. |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | 7.1.2 Tidak mendaftar kursus dalam tempoh dua (2) minggu selepas semester bermula tanpa memberi sebab secara bertulis kepada Dekan berkenaan. | 7.1.2 Tidak mendaftar **kursus** dalam tempoh dua (2) minggu selepas semester bermula tanpa memberi sebab secara bertulis kepada Dekan berkenaan. |
| | 7.2 Status seseorang pelajar universiti akan gugur sekiranya tidak menghadiri kuliah dalam tempoh empat (4) minggu berturut-turut. | 7.2 Status seseorang pelajar universiti akan gugur sekiranya tidak menghadiri kuliah tanpa alasan dibenarkan dalam tempoh empat (4) minggu berturut-turut bagi semua kursus yang didaftarkan pada semester tersebut. |
| | 7.3 Pelajar yang gugur statusnya dibenarkan membuat rayuan meneruskan pengajian kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) melalui Dekan Fakulti pada semester dia dikenakan tindakan tersebut. | 7.3 **Kekal** |
| | 7.4 Sekiranya permohonan diluluskan, pelajar boleh meneruskan pengajian pada semester berikutnya dan semester gugur statusnya akan diambil kira sebagai tempoh pengajian. | 7.4 **Kekal** |
| | 7.5 Rayuan meneruskan pengajian hanya dibenarkan selama pelajar masih berada dalam tempoh pengajian. (Rujuk Perkara 2 Kaedah Universiti, maksimum 12 semester bagi sarjana muda dan 9 semester bagi diploma). | 7.5 Rayuan meneruskan pengajian hanya dibenarkan selama pelajar masih berada dalam tempoh pengajian. (Rujuk Perkara 2 Kaedah Universiti, maksimum 12 semester bagi sarjana muda). |
| | **8. Penggantungan Pengajian**<br><br>Penggantungan pengajian disebabkan oleh tindakan tatatertib diambil kira sebagai tempoh pengajian. | **8. Kekal** |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | **9. Pertukaran Program Pengajian**<br><br>9.1 Permohonan pertukaran program pengajian hendaklah dikemukakan kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) secara bertulis melalui Dekan mulai semester kedua pengajian.<br><br>9.2 Kriteria pertukaran program adalah seperti berikut:<br><br>9.2.1 Pelajar semester pertama pengajian tidak dibenarkan memohon pertukaran program.<br><br>9.2.2 Permohonan pertukaran program boleh dilakukan mulai semester kedua pengajian hingga semester keempat pengajian sahaja. Sekiranya permohonan diluluskan, pelajar akan mengikuti program baharu pada semester berikutnya.<br><br>9.2.3 Pelajar hendaklah memenuhi syarat kemasukan bagi program yang dipohon.<br><br>9.2.4 Semua kursus daripada program asal diambil kira dalam pengiraan PNGK. | **9. Digugurkan dan dimasukkan di bawah perkara Kemasukan** |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
| --- | --- | --- |
| | 9.2.5 Tempoh pengajian program asal akan diambil kira sebagai tempoh pengajian di universiti.<br><br>9.2.6 Diperakukan oleh kedua-dua Dekan terlibat sekiranya permohonan pertukaran program itu melibatkan program di luar fakulti asal.<br><br>9.2.7 Keputusan pertukaran program adalah muktamad dan surat kelulusan dikeluarkan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik. | |
| | **10. Pertukaran Minor/Tumpuan**<br><br>10.1 Pelajar tidak dibenarkan membuat pertukaran minor/tumpuan kecuali atas kebenaran Dekan.<br><br>10.2 Pelajar hanya dibenarkan membuat pertukaran minor/tumpuan sekali sepanjang pengajian. Semua kursus daripada minor/tumpuan asal diambil kira dalam pengiraan PNGK. | **10. Pertukaran Bidang Minor/Tumpuan**<br><br>10.1 Pelajar tidak dibenarkan membuat pertukaran bidang minor/tumpuan kecuali atas kebenaran Dekan.<br><br>10.2 Pelajar hanya dibenarkan membuat pertukaran bidang minor/tumpuan atas kelulusan Dekan sekali sahaja sehingga semester (5). Semua kursus daripada minor/tumpuan asal diambil kira dalam pengiraan PNGK. |
| | **11. Pertukaran Universiti**<br><br>11.1 Pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris | **11. Digugurkan dan dimasukkan di bawah perkara Kemasukan** |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | Permohonan perlu menggunakan borang yang ditetapkan melalui Dekan dan dikemukakan untuk tindakan Bahagian Hal Ehwal Akademik.<br><br>11.2 Pelajar UA lain yang ingin bertukar ke Universiti Pendidikan Sultan Idris<br><br>11.2.1 Permohonan dibuat melalui universiti asal dan penerimaan masuk perlu diperakukan oleh Dekan program yang dipohon di Universiti Pendidikan Sultan Idris dan diluluskan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa).<br><br>11.2.2 Pelajar yang memohon perlu memenuhi syarat-syarat kemasukan program yang dipohon.<br><br>11.2.3 Pelajar yang diterima untuk bertukar universiti boleh memohon untuk pemindahan kredit. | |
| | **12. Penasihat Akademik**<br><br>12.1 Penasihatan Akademik adalah kerjasama yang diberikan oleh kakitangan akademik untuk membimbing, menasihat dan membantu mengatasi/menyelesaikan masalah pelajar dalam hal ehwal akademik. | **12. Penasihat Akademik**<br><br>Rujuk Garis Panduan Penasihatan Akademik Universiti Pendidikan Sultan Idris (Kelulusan Senat Kali Ke-202 Bil. 6/2021 pada 10 Jun 2021). |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | 12.2 Dalam sistem semester berkredit, pelajar dibenarkan memilih kursus-kursus mengikut minat dan kemampuan/keupayaan sendiri. Oleh yang demikian, Penasihat Akademik perlu memberi bimbingan kepada pelajar agar menggunakan peluang dan kesempatan dengan lebih terancang semasa pengajian di universiti demi kejayaan sehingga mereka tamat pengajian.<br><br>12.3 Konsep Penasihat Akademik<br><br>12.3.1 Penasihat Akademik (PA) ialah seorang kakitangan akademik Universiti yang ditugaskan membimbing seseorang pelajar dalam perancangan akademiknya.<br><br>12.3.2 Di bawah sistem ini, seseorang PA akan ditugaskan untuk membantu pelajar-pelajar dalam memperjelaskan objektif-objektif pengajian, menyusun pengambilan kursus-kursus akademik dan menggunakan keupayaan-keupayaan yang ada pada diri mereka untuk memenuhi keperluan pengijazahan.<br><br>12.3.3 Seseorang Penasihat Akademik (PA) akan ditugaskan membantu dan menasihatkan sekumpulan pelajar bermula dari awal pengajian, iaitu | |

| PERKARA | ASAL<br>(TAHUN 2021) | BAHARU<br>(TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | semasa mereka memasuki universiti sehinggalah mereka tamat pengajian di universiti ini.<br><br>12.3.4 Pentadbir fakulti perlu membuat agihan pelajar-pelajar baharu untuk diletakkan dibawah jagaan PA dalam kalangan kakitangan akademik fakulti masing-masing melalui MySIS-*Academic Advisor Setup*.<br><br>12.4 Peranan dan Tanggungjawab Penasihat Akademik<br><br>12.4.1 Memberi nasihat kepada pelajar-pelajar di bawah jagaannya dalam hal-hal akademik, seperti pemilihan bidang-bidang pengkhususan, minor dan pendaftaran kursus-kursus pra syarat dan sebagainya.<br><br>12.4.2 Penasihat Akademik diminta mengadakan pertemuan sebanyak sekurang-kurangnya tiga (3) kali dalam satu semester.<br><br>12.4.3 Rekod pertemuan pensyarah dan pelajar di bawah jagaannya hendaklah dikemaskini dalam sistem MySIS Academic Advisory yang perlu | |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | disemak dan dianalisis oleh pihak fakulti.<br><br>12.5 Maklumat lanjut berkenaan Penasihatan Akademik boleh dirujuk dalam Garis Panduan Penasihatan Akademik UPSI. | |
| **PEPERIKSAAN** | **1. Jadual Peperiksaan**<br><br>Pengumuman jadual peperiksaan akhir akan dibuat oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik selewat-lewatnya dua (2) minggu sebelum peperiksaan bermula. Kesilapan pelajar menyemak jadual peperiksaan tidak membolehkan peperiksaan ganti diadakan.<br><br>**2. Penyemakan Jadual Peperiksaan**<br><br>Tempoh penyemakan adalah dalam masa tujuh (7) hari selepas draf jadual peperiksaan diumumkan pada minggu ke sepuluh (10). Sebarang pertembungan jadual, perlu dilaporkan oleh pelajar secara bertulis kepada Bahagian Hal Ehwal Akademik. | **1. Tarikh Peperiksaan**<br><br>1.1 Penetapan tarikh peperiksaan adalah berdasarkan Takwim Akademik setiap semester yang telah diluluskan oleh Senat Universiti.<br><br>1.2 Peperiksaan boleh diadakan setiap hari dalam tempoh peperiksaan yang telah ditetapkan oleh Senat kecuali pada hari yang diisytiharkan sebagai cuti umum/kelepasan am.<br><br>**2. Penyemakan Jadual Peperiksaan**<br><br>2.1 Draf Jadual Peperiksaan Akhir akan dikeluarkan oleh BHEA selewat-lewatnya pada minggu ke-10 kuliah.<br><br>2.2 Pensyarah diberi tempoh 7 hari untuk menyemak draf tersebut bagi memastikan tiada pertembungan jadual peperiksaan berlaku. Sebarang perubahan jadual hendaklah dikemukakan secara rasmi kepada BHEA.<br><br>2.3 Draf Jadual Peperiksaan Akhir adalah muktamad sekiranya tiada perubahan sepanjang tempoh semakan dilaporkan. |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | | **3. Jadual Peperiksaan**<br><br>Jadual muktamad peperiksaan akhir dikeluarkan oleh BHEA dua minggu sebelum peperiksaan berlangsung. |
| | **3. Slip Menduduki Peperiksaan**<br><br>3.1 Slip Menduduki Peperiksaan adalah dokumen rasmi yang wajib dibawa ke dewan/bilik peperiksaan.<br><br>3.2 Pelajar tidak dibenarkan membuat catatan pada slip tersebut. | **4. Slip Menduduki Peperiksaan**<br><br>4.1 Slip Menduduki Peperiksaan adalah dokumen rasmi yang wajib dibawa ke dewan/bilik peperiksaan.<br><br>4.2 Pelajar tidak dibenarkan membuat catatan pada slip tersebut.<br><br>4.3 Pelajar boleh mencetak slip peperiksaan akhir di portal pelajar selepas jadual muktamad dikeluarkan 2 minggu sebelum peperiksaan bermula. |
| | **4. Peraturan Peperiksaan**<br><br>Pelajar diwajibkan mematuhi semua peraturan peperiksaan yang berkuat kuasa di universiti. Setiap peperiksaan yang dijalankan oleh universiti adalah tertakluk kepada Peraturan Am Peperiksaan seperti yang dinyatakan di **Jadual I** kepada kaedah-kaedah ini. | **5. Peraturan Peperiksaan**<br><br>Pelajar diwajibkan mematuhi semua peraturan peperiksaan yang berkuat kuasa di universiti. Setiap peperiksaan yang dijalankan oleh universiti adalah tertakluk kepada Peraturan Am Peperiksaan seperti yang dinyatakan di **Jadual I** kepada kaedah-kaedah ini. |
| | **5. Kecurangan Akademik**<br><br>5.1 Seseorang pelajar boleh ditafsirkan sebagai telah melakukan kecurangan akademik jika didapati melanggar perkara 8 Kaedah-Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tatatertib | **6. Kecurangan Akademik**<br><br>6.1 Seseorang pelajar boleh ditafsirkan sebagai telah melakukan kecurangan akademik jika didapati melanggar perkara 8 Kaedah-Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tatatertib Pelajar) 1999 iaitu: |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
| --- | --- | --- |
| | Pelajar) 1999 iaitu perkara yang dilarang dilakukakan semasa peperiksaan. Sebagai penjelasan kepada perkara tersebut, pelajar tidak boleh:<br><br>i. mengambil apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain, kecuali yang diberi kuasa oleh pemeriksa, ke dalam atau ke luar dari sesuatu bilik peperiksaan, atau menerima apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain daripada mana-mana orang lain semasa dalam bilik peperiksaan, kecuali seseorang pelajar boleh, semasa dia di dalam bilik peperiksaan, menerima daripada pengawas peperiksaan apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain yang telah disyorkan oleh pemeriksa atau Jawatankuasa Peperiksaan, dan diberi kuasa oleh Naib Canselor ; atau<br><br>ii. menulis, atau telah menulisnya melalui orang lain, apa-apa maklumat atau gambar rajah yang mungkin berkaitan dengan peperiksaan yang didudukinya, di atas tangannya atau di atas mana-mana bahagian lain tubuh badannya, atau di atas pakaiannya ; atau | i. mengambil apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain, kecuali yang diberi kuasa oleh pemeriksa, ke dalam atau ke luar dari sesuatu bilik peperiksaan, atau menerima apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain daripada mana-mana orang lain semasa dalam bilik peperiksaan, kecuali seseorang pelajar boleh, semasa dia di dalam bilik peperiksaan, menerima daripada pengawas peperiksaan apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain yang telah disyorkan oleh pemeriksa atau Jawatankuasa Peperiksaan, dan diberi kuasa oleh Naib Canselor ; atau<br><br>ii. menulis, atau telah menulisnya melalui orang lain, apa-apa maklumat atau gambar rajah yang mungkin berkaitan dengan peperiksaan yang didudukinya, di atas tangannya atau di atas mana-mana bahagian lain tubuh badannya, atau di atas pakaiannya ; atau<br><br>iii. berhubung dengan mana-mana pelajar lain semasa sesuatu peperiksaan melalui apa-apa jua cara; atau<br><br>iv. menipu atau cuba untuk menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu atau cuba untuk menipu dalam sesuatu peperiksaan, semasa peperiksaan itu sedang dijalankan |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | iii. berhubung dengan mana-mana pelajar lain semasa sesuatu peperiksaan melalui apa-apa jua cara; atau<br><br>iv. menipu atau cuba untuk menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu atau cuba untuk menipu dalam sesuatu peperiksaan, semasa peperiksaan itu sedang dijalankan.<br><br>5.2 Pelajar tidak boleh memplagiat apa-apa idea, penulisan, data atau ciptaan kepunyaan orang lain bagi apa-apa tujuan sekali pun. Bagi maksud perkara ini, plagiarisme termasuklah—<br><br>i. perbuatan mengambil sesuatu idea, penulisan, data atau ciptaan orang lain dan mendakwa bahawa idea, penulisan, data atau ciptaan itu ialah hasil dapatan atau ciptaannya sendiri; atau<br><br>ii. suatu cubaan untuk menonjolkan atau perbuatan menonjolkan, dengan apa-apa cara, bahawa dia ialah sumber asal atau pencipta sesuatu idea, penulisan, data atau ciptaan yang sebenarnya telah diambil daripada mana-mana sumber lain. | 6.2 Pelajar tidak boleh memplagiat apa-apa idea, penulisan, data atau ciptaan kepunyaan orang lain bagi apa-apa tujuan sekali pun. Bagi maksud perkara ini, plagiarisme termasuklah—<br><br>i. perbuatan mengambil sesuatu idea, penulisan, data atau ciptaan orang lain dan mendakwa bahawa idea, penulisan, data atau ciptaan itu ialah hasil dapatan atau ciptaannya sendiri; atau<br><br>ii. suatu cubaan untuk menonjolkan atau perbuatan menonjolkan, dengan apa-apa cara, bahawa dia ialah sumber asal atau pencipta sesuatu idea, penulisan, data atau ciptaan yang sebenarnya telah diambil daripada mana-mana sumber lain.<br><br>iii. menerbitkan, atas namanya sendiri sebagai pengarang, suatu ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik, atau buku yang keseluruhannya atau sebahagiannya ditulis oleh mana-mana orang lain; |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | iii. menerbitkan, atas namanya sendiri sebagai pengarang, suatu ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik, atau buku yang keseluruhannya atau sebahagiannya ditulis oleh mana-mana orang lain;<br><br>iv. menggabungkan dirinya atau membenarkan dirinya digabungkan sebagai pengarang bersama sesuatu ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik, atau buku, sedangkan dia tidak langsung membuat apa-apa sumbangan bertulis bagi ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik, atau buku itu;<br><br>v. memetik data akademik yang merupakan hasil penyelidikan yang dijalankan oleh mana-mana orang lain, seperti dapatan makmal atau dapatan kerja lapangan atau data yang diperoleh melalui penyelidikan perpustakaan sama ada yang diterbitkan atau tidak diterbitkan, dan menggabungkan data itu sebagai sebahagian daripada penyelidikan/penulisan/penerbitan akademiknya tanpa memberikan pengiktirafan yang sewajarnya kepada sumber asal; | iv. menggabungkan dirinya atau membenarkan dirinya digabungkan sebagai pengarang bersama sesuatu ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik, atau buku, sedangkan dia tidak langsung membuat apa-apa sumbangan bertulis bagi ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik, atau buku itu;<br><br>v. memetik data akademik yang merupakan hasil penyelidikan yang dijalankan oleh mana-mana orang lain, seperti dapatan makmal atau dapatan kerja lapangan atau data yang diperoleh melalui penyelidikan perpustakaan sama ada yang diterbitkan atau tidak diterbitkan, dan menggabungkan data itu sebagai sebahagian daripada penyelidikan/penulisan/penerbitan akademiknya tanpa memberikan pengiktirafan yang sewajarnya kepada sumber asal;<br><br>vi. menggunakan data penyelidikan yang diperoleh melalui kerja usaha sama dengan mana-mana orang lain, sama ada atau tidak orang lain itu ialah pekerja atau pelajar lain Universiti, sebagai sebahagian daripada penyelidikan / penulisan / penerbitan akademik peribadinya yang lain, atau bagi penerbitan atas namanya sendiri sebagai pengarang tunggal, tanpa memperoleh keizinan penyelidik bersamanya sebelum memulakan penyelidikan/penulisan/penerbitannya sendiri;<br><br>vii. memaksa orang lain untuk memasukkan namanya dalam senarai penyelidik bersama bagi sesuatu projek penyelidikan tertentu atau dalam senarai pengarang bersama bagi sesuatu penerbitan sedangkan dia tidak |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | vi. menggunakan data penyelidikan yang diperoleh melalui kerja usaha sama dengan mana-mana orang lain, sama ada atau tidak orang lain itu ialah pekerja atau pelajar lain Universiti, sebagai sebahagian daripada penyelidikan/penulisan/penerbitan akademik peribadinya yang lain, atau bagi penerbitan atas namanya sendiri sebagai pengarang tunggal, tanpa memperoleh keizinan penyelidik bersamanya sebelum memulakan penyelidikan/penulisan/penerbitannya sendiri;<br><br>vii. memaksa orang lain untuk memasukkan namanya dalam senarai penyelidik bersama bagi sesuatu projek penyelidikan tertentu atau dalam senarai pengarang bersama bagi sesuatu penerbitan sedangkan dia tidak membuat apa-apa sumbangan yang boleh melayakkan dirinya menjadi penyelidik bersama atau pengarang bersama;<br><br>viii. menyalin idea atau ciptaan orang lain yang disimpan dalam apa-apa jua bentuk, sama ada bertulis, tercetak atau tersedia dalam bentuk elektronik, atau dalam bentuk slaid, atau dalam apa-apa | membuat apa-apa sumbangan yang boleh melayakkan dirinya menjadi penyelidik bersama atau pengarang bersama;<br><br>viii. menyalin idea atau ciptaan orang lain yang disimpan dalam apa-apa jua bentuk, sama ada bertulis, tercetak atau tersedia dalam bentuk elektronik, atau dalam bentuk slaid, atau dalam apa-apa jua bentuk pengajaran atau perkakas penyelidikan atau dalam apa-apa bentuk lain, dan mengaku sama ada secara langsung atau tidak langsung bahawa dia ialah pencipta idea atau ciptaan itu;<br><br>ix. menterjemahkan hasil penulisan atau karya orang lain daripada satu bahasa ke dalam bahasa lain sama ada atau tidak secara keseluruhan atau sebahagian, dan kemudian mengaku bahawa terjemahan itu yang dibuat dalam apa-apa jua bentuk atau cara sebagai hasil penulisan atau karya asalnya sendiri; atau<br><br>x. memetik idea daripada penulisan atau ciptaan orang lain dan membuat ubah suaian tertentu tanpa menyebut dengan sewajarnya sumber asal dan menyusunnya semula dengan apa-apa cara sehingga kelihatan seolah-olah dia ialah pencipta idea itu. |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | jua bentuk pengajaran atau perkakas penyelidikan atau dalam apa-apa bentuk lain, dan mengaku sama ada secara langsung atau tidak langsung bahawa dia ialah pencipta idea atau ciptaan itu;<br><br>ix. menterjemahkan hasil penulisan atau karya orang lain daripada satu bahasa ke dalam bahasa lain sama ada atau tidak secara keseluruhan atau sebahagian, dan kemudian mengaku bahawa terjemahan itu yang dibuat dalam apa-apa jua bentuk atau cara sebagai hasil penulisanatau karya asalnya sendiri; atau<br><br>x. memetik idea daripada penulisan atau ciptaan orang lain dan membuat ubah suaian tertentu tanpa menyebut dengan sewajarnya sumber asal dan menyusunnya semula dengan apa-apa cara sehingga kelihatan seolah-olah dia ialah pencipta idea itu.<br><br>5.3 Pelajar yang disabitkan atas mana-mana kesalahan di bawah kaedah ini oleh Pihak Berkuasa Tatatertib, Pelajar akan diberi Gred F bagi kursus yang berkenaan kesalahan itu dilakukan. | 6.3 Pelajar yang disabitkan atas mana-mana kesalahan di bawah kaedah ini oleh Pihak Berkuasa Tatatertib akan diberi Gred F bagi kursus yang berkenaan kesalahan itu dilakukan. |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | | 6.4 Perkara ini hendaklah dibaca bersama Garis Panduan Pengawasan Peperiksaan dan lain-lain peraturan yang berkuatkuasa. |
| | **6. Keputusan Peperiksaan**<br><br>Keputusan peperiksaan yang diluluskan oleh Senat adalah muktamad. | **7. Keputusan Peperiksaan**<br><br>Keputusan peperiksaan yang diluluskan oleh Senat adalah muktamad. |
| | **7. Peperiksaan Khas**<br><br>7.1 Universiti boleh membenarkan Peperiksaan Khas kepada pelajar semester akhir yang gagal satu (1) atau maksimum dua (2) kursus pada semester berkenaan (semester akhir) untuk tujuan pengijazahan.<br><br>7.2 Peperiksaan Khas boleh diduduki sekali sahaja dengan bayaran RM50.00 dan pelajar perlu mengemukakan permohonan dalam tempoh dua minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan.<br><br>7.3 Bagi kursus yang ada peperiksaan akhir, gred maksimum yang akan diberikan adalah Gred C+.<br><br>7.4 Bagi kursus yang tiada peperiksaan akhir, pelajar layak diberikan tugasan untuk tujuan penilaian dan gred maksimum yang akan diberikan adalah gred C+. | **8. Peperiksaan Khas**<br><br>8.1 Universiti boleh membenarkan Peperiksaan Khas kepada pelajar semester akhir yang gagal satu (1) atau maksimum dua (2) kursus pada semester berkenaan (semester akhir) untuk tujuan pengijazahan.<br><br>8.2 Peperiksaan Khas boleh diduduki sekali sahaja dengan bayaran RM50.00 dan pelajar perlu mengemukakan permohonan dalam tempoh dua minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan.<br><br>8.3 Bagi kursus yang tiada peperiksaan akhir, pelajar layak diberikan tugasan untuk tujuan penilaian.<br><br>8.4 Keputusan asal yang berkaitan dimansuhkan dan gred semasa dicatatkan dalam transkrip. |

| PERKARA | ASAL<br>(TAHUN 2021) | BAHARU<br>(TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | 7.5 Keputusan asal yang berkaitan dimansuhkan dan tidak dicatatkan dalam transkrip. | |
| | **8. Peperiksaan Gantian**<br><br>8.1 Universiti boleh membenarkan Peperiksaan Gantian dengan kelulusan Dekan bagi kes-kes berikut:-<br><br>8.1.1 Pelajar yang tidak dapat hadir peperiksaan dengan alasan yang kukuh dan diluluskan oleh Dekan.<br><br>8.1.2 Pelajar yang menghadapi masalah kesihatan dan telah mendapat pengesahan daripada pegawai perubatan kerajaan atau Universiti bahawa pelajar tersebut tidak berupaya dari segi mental atau fizikalnya.<br><br>8.1.3 Pelajar yang kematian ibu atau bapa atau ahli keluarga terdekat.<br><br>8.1.4 Sebab-sebab lain yang tidak memungkinkan pelajar menghadiri peperiksaan. | **9. Peperiksaan Gantian**<br><br>9.1 Universiti boleh membenarkan Peperiksaan Gantian dengan kelulusan Dekan bagi kes-kes berikut:-<br><br>9.1.1 Pelajar yang tidak dapat hadir peperiksaan dengan alasan yang kukuh dan diluluskan oleh Dekan.<br><br>9.1.2 Pelajar yang menghadapi masalah kesihatan dan telah mendapat pengesahan daripada pegawai perubatan kerajaan atau Universiti bahawa pelajar tersebut tidak berupaya dari segi mental atau fizikalnya.<br><br>9.1.3 Pelajar yang kematian ibu bapa/penjaga atau adik beradik.<br><br>9.1.4 Menjalankan apa-apa aktiviti yang diarahkan oleh Universiti. Pelajar boleh menduduki Peperiksaan Gantian lebih awal.<br><br>9.2 Peperiksaan Gantian boleh diadakan dalam tempoh dua (2) minggu selepas tarikh asal peperiksaan tersebut berlangsung.<br><br>9.3 Peperiksaan Gantian hanya boleh diduduki sekali sahaja pada semester tersebut. Sekiranya gagal, pelajar wajib mengulang kursus tersebut. |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | 8.1.5 Menjalankan apa-apa aktiviti yang diarahkan oleh Universiti. Pelajar boleh menduduki Peperiksaan Gantian lebih awal.<br><br>8.2 Peperiksaan Gantian akan diadakan dalam tempoh dua (2) minggu selepas tamat minggu peperiksaan.<br><br>8.3 Peperiksaan Gantian hanya boleh diduduki sekali sahaja. Sekiranya masih gagal, pelajar wajib mengulang kursus tersebut.<br><br>8.4 Markah Peperiksaan Gantian hanya menggantikan komponen peperiksaan akhir sahaja. | 9.4 Markah Peperiksaan Gantian hanya menggantikan komponen peperiksaan akhir sahaja. |
| | **9. Rayuan Semakan Keputusan Akhir Kursus**<br><br>9.1 Rayuan boleh dibuat kepada Bahagian Hal Ehwal Akademik menggunakan borang dalam tempoh satu (1) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan.<br><br>9.2 Setiap rayuan dikenakan bayaran RM100.00 bagi setiap kursus.<br><br>9.3 Rayuan semak semula hanya dibenarkan bagi kursus yang ada peperiksaan akhir sahaja. | **10. Rayuan Semakan Keputusan Akhir Kursus**<br><br>10.1 Rayuan boleh dibuat kepada Bahagian Hal Ehwal Akademik menggunakan borang dalam tempoh satu (1) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan.<br><br>10.2 Setiap rayuan dikenakan bayaran RM100.00 bagi setiap kursus.<br><br>10.3 **Rayuan semak semula hanya dibenarkan bagi kursus yang ada peperiksaan akhir sahaja**. |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | 9.4 Gred sebenar yang diputuskan Senat akan diambil kira dalam pengiraan PNGS dan PNGK.<br><br>9.5 Keputusan rayuan yang diluluskan Senat adalah muktamad.<br><br>**10. Penilaian Akademik Secara Berterusan**<br><br>10.1 Pelajar wajib menyempurnakan semua kerja kursus, tugasan, kuiz, projek dan tugasan lain yang ditetapkan dalam sesuatu kursus.<br><br>10.2 Keputusan pentaksiran perlu dipaparkan kepada pelajar selewat-lewatnya pada minggu ketiga belas (13).<br><br>**11. Penilaian Gred Kursus**<br><br>11.1 Julat Markah, Gred dan Nilai Gred yang diberikan kepada sesuatu kursus adalah seperti berikut:-<br><br>***Jadual 3: Penilaian Gred Kursus***<br><br>**Julat Markah** \| **Gred** \| **Nilai Gred**<br>80 - 100 \| A \| 4.00<br>75 - 79 \| A- \| 3.75<br>70 – 74 \| B+ \| 3.50<br>65 – 69 \| B \| 3.00 | 10.4 Gred sebenar yang diputuskan Senat akan diambil kira dalam pengiraan PNGS dan PNGK.<br><br>10.5 Keputusan rayuan yang diluluskan Senat adalah muktamad.<br><br>**11. Penilaian Akademik Secara Berterusan**<br><br>11.1 Pelajar wajib menyempurnakan semua kerja kursus, tugasan, kuiz, projek dan tugasan lain yang ditetapkan dalam sesuatu kursus.<br><br>11.2 Keputusan kerja kursus/pentaksiran berterusan perlu dipaparkan kepada pelajar **selewat-lewatnya pada minggu ke-13.**<br><br>**12. Penilaian Gred Kursus**<br><br>12.1 Julat Markah, Gred dan Nilai Gred yang diberikan kepada sesuatu kursus adalah seperti berikut:-<br><br>**Jadual 3: Penilaian Gred Kursus**<br><br>**Julat Markah** \| **Gred** \| **Nilai Gred**<br>80 - 100 \| A \| 4.00<br>75 - 79 \| A- \| 3.75<br>70 – 74 \| B+ \| 3.50<br>65 – 69 \| B \| 3.00 |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | | |

ASAL (TAHUN 2021):

| | | |
|---|---|---|
| 60 – 64 | B- | 2.75 |
| 55 – 59 | C+ | 2.50 |
| 50 – 54 | C | 2.00 |
| 45 – 49 | C- | 1.75 |
| 40 – 44 | D+ | 1.50 |
| 35 – 39 | D | 1.00 |
| 0 - 34 | F | 0.00 |

11.2 Deskripsi status keputusan peperiksaan:

L : Lulus
PK : Pengecualian Kredit
TL : Tidak Lengkap
SM : Sedang Maju
U : Kursus Audit
KA : Kecurangan Akademik.
PMK : Pemindahan Kredit
CTA : *Credit Transfer* (APEL)

*Nota : Bagi status KA akan diberi nilai gred 0.0 dan akan diambil kira dalam pengiraan PNGS dan PNGK.*

BAHARU (TAHUN 2023):

| | | |
|---|---|---|
| 60 – 64 | B- | 2.75 |
| 55 – 59 | C+ | 2.50 |
| 50 – 54 | C | 2.00 |
| 45 – 49 | C- | 1.75 |
| 40 – 44 | D+ | 1.50 |
| 35 – 39 | D | 1.00 |
| 0 - 34 | F | 0.00 |

12.2 Deskripsi status keputusan peperiksaan:

L : Lulus
PK : Pengecualian Kredit
TL : Tidak Lengkap
SM : Sedang Maju
U : Lulus Kursus Audit
XU : Gagal Kursus Audit
KA : Kecurangan Akademik.
PMK : Pemindahan Kredit
CTA : *Credit Transfer* (APEL)

*Nota: Bagi status KA akan diberi nilai gred 0.00 dan akan diambil kira dalam pengiraan PNGS dan PNGK.*

<table>
<tr><th>PERKARA</th><th>ASAL<br>(TAHUN 2021)</th><th>BAHARU<br>(TAHUN 2023)</th></tr>
<tr><td></td><td>
11.3 Pemberian Gred F turut diberikan kepada kes berikut iaitu:
<table>
<tr><th>Kes</th><th>Gred</th></tr>
<tr><td>Pelajar yang tidak hadir peperiksaan akhir bagi kursus berkaitan walaupun kerja kursus, tugasan, kuiz, projek dan tugasan lain yang ditetapkan oleh fakulti dilaksanakan.</td><td>F</td></tr>
<tr><td>Pelajar yang dihalang menduduki peperiksaan akhir atas sebab kehadiran ke kuliah yang tidak mencukupi 80%.</td><td>F</td></tr>
<tr><td>Pelajar yang tidak mencukupi 80% kehadiran ke kuliah bagi kursus yang tiada peperiksaan akhir.</td><td>F</td></tr>
</table>
12. Penilaian Tanpa Nilai Gred<br>
Status kursus yang tidak diambil kira dalam pengiraan PNGS dan PNGK:-<br>
L/G (Lulus/Gagal)<br>
gred yang diberikan kepada pelajar-pelajar yang mengambil kursus yang keputusannya tidak digredkan tetapi hanya diberi catatan “lulus” atau “gagal” sahaja.<br>
TL (Tidak Lengkap)<br>
gred yang diberikan dengan kebenaran Dekan kepada pelajar yang telah dapat menyelesaikan sekurang-kurangnya 70% daripada keperluan kursus atas alasan
</td><td>
12.3 Pemberian Gred F turut diberikan kepada kes berikut iaitu:
<table>
<tr><th>KES</th><th>GRED</th></tr>
<tr><td>Pelajar yang tidak hadir peperiksaan akhir bagi kursus berkaitan walaupun kerja kursus, tugasan, kuiz, projek dan tugasan lain yang ditetapkan oleh fakulti dilaksanakan.</td><td>F</td></tr>
<tr><td>Pelajar yang dihalang menduduki peperiksaan akhir atas sebab kehadiran ke kuliah yang tidak mencukupi 80%.</td><td>F</td></tr>
<tr><td>Pelajar yang tidak mencukupi 80% kehadiran ke kuliah bagi kursus yang tiada peperiksaan akhir.</td><td>F</td></tr>
</table>
13. Penilaian Tanpa Nilai Gred<br>
Status kursus yang tidak diambil kira dalam pengiraan PNGS dan PNGK:-<br>
L/G (Lulus/Gagal)<br>
gred yang diberikan kepada pelajar-pelajar yang mengambil kursus yang keputusannya tidak digredkan tetapi hanya diberi catatan “lulus” atau “gagal” sahaja.<br>
TL (Tidak Lengkap)<br>
gred yang diberikan dengan kebenaran Dekan kepada pelajar yang telah dapat menyelesaikan sekurang-kurangnya 70% daripada keperluan kursus atas alasan yang munasabah. Pelajar perlu
</td></tr>
</table>

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | yang munasabah. Pelajar perlu melengkapkan tugasan tersebut selewat-lewatnya dua (2) minggu selepas tamat minggu peperiksaan bagi semester berkenaan dengan kebenaran Dekan. Fakulti perlu menyerahkan markah kepada Bahagian Hal Ehwal Akademik dalam tempoh dua (2) minggu selepas pelajar menyelesaikan dan menghantar tugasan.<br><br>**SM (Sedang Maju)**<br><br>gred yang digunakan bagi sesuatu kursus yang tempohnya melebihi satu semester. Gred sebenar diberikan setelah kursus tersebut selesai.<br><br>**U (Audit)**<br><br>gred yang diberikan kepada pelajar yang mendaftar dan memenuhi syarat audit. Maklumat kursus tidak akan dicatatkan dalam transkrip bagi pelajar yang tidak memenuhi keperluan kursus.<br><br>**CTA [Credit Transfer (APEL)]**<br><br>Gred yang diberikan kepada pelajar yang mendapat pindah kredit dalam APEL (C) | melengkapkan tugasan tersebut selewat-lewatnya dua (2) minggu selepas tamat minggu peperiksaan bagi semester berkenaan dengan kebenaran Dekan. Fakulti perlu menyerahkan markah kepada Bahagian Hal Ehwal Akademik dalam tempoh dua (2) minggu selepas pelajar menyelesaikan dan menghantar tugasan.<br><br>**SM (Sedang Maju)**<br><br>gred yang digunakan bagi sesuatu kursus yang tempohnya melebihi satu semester. Gred sebenar diberikan setelah kursus tersebut selesai.<br><br>**U (Audit)**<br><br>gred yang diberikan kepada pelajar yang mendaftar dan memenuhi syarat audit. Maklumat kursus tidak akan dicatatkan dalam transkrip bagi pelajar yang tidak memenuhi keperluan kursus.<br><br>**CTA [*Credit Transfer* (APEL)]**<br><br>Gred yang diberikan kepada pelajar yang mendapat pindah kredit dalam APEL.C.<br><br>**CTM [*Credit Transfer* MOOC/*Micro-credentials*]**<br><br>Gred yang diberikan kepada pelajar yang mendapat pindah kredit dalam *Massive Open Online Course* (MOOC)/*Micro-credentials* |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | **13. Sistem Penilaian dan Purata Nilai Gred (PNG)**<br><br>Semua kursus akan diambil kira dalam Purata Nilai Gred Semester (PNGS) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK).<br><br>13.1 Rumus untuk mengira PNGS dan PNGK adalah seperti berikut :-<br><br>PNGS= <u>Jumlah Nilai Gred Satu Semester</u><br>Jumlah Kredit Yang Diambil Pada Semester Berkenaan<br><br>PNGK= <u>Jumlah Nilai Gred Keseluruhan Semester</u><br>Jumlah Kredit yang Diambil Pada Semua Semester<br><br>13.2 Kaedah pengiraan PNGS dan PNGK adalah seperti <u>**Jadual II**</u><br><br>**14. Status Pengajian**<br><br>Status pelajar pada setiap semester adalah berdasarkan prestasi akademiknya pada semester berkenaan dan status pada semester sebelumnya. Status pelajar diklasifikasikan berdasarkan purata nilai gred. Ringkasan Status seperti di bawah:<br><br>**14.1 Status Lulus (L)**<br>Seseorang pelajar adalah Lulus dan dibenarkan meneruskan pengajian jika mendapat PNGK 2.00 atau lebih. | **14. Sistem Penilaian dan Purata Nilai Gred (PNG)**<br><br>Semua kursus akan diambil kira dalam Purata Nilai Gred Semester (PNGS) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK).<br><br>14.1 Rumus untuk mengira PNGS dan PNGK adalah seperti berikut :-<br><br>**PNGS** = <u>Jumlah Nilai Gred Satu Semester</u><br>Jumlah Kredit Yang Diambil Pada Semester Berkenaan<br><br>**PNGK** = <u>Jumlah Nilai Gred Keseluruhan Semester</u><br>Jumlah Kredit yang Diambil Pada Semua Semester<br><br>14.2 Simulasi kaedah pengiraan PNGS dan PNGK adalah seperti <u>**Jadual II**</u><br><br>**15. Status Pengajian**<br><br>Status pelajar pada setiap semester adalah berdasarkan prestasi akademiknya pada semester berkenaan dan status pada semester sebelumnya. Status pelajar diklasifikasikan berdasarkan purata nilai gred. Ringkasan Status seperti di bawah:<br><br>**15.1 Status Lulus (L)**<br><br>Seseorang pelajar adalah Lulus dan dibenarkan meneruskan pengajian jika mendapat PNGK 2.00 atau lebih. |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | **14.2 Status Amaran (A)**<br><br>Pelajar yang memperoleh PNGK antara 1.70 hingga 1.99 akan diberi status Amaran. Status Amaran akan bertukar kepada status Percubaan jika pelajar gagal mendapat PNGK 2.00 pada akhir semester status Amaran itu.<br><br>**14.3 Status Percubaan (P)**<br><br>Pelajar yang mendapat PNGK antara 1.00 hingga 1.69 akan diberi status Percubaan. Pelajar status Percubaan akan diberhentikan mengikut penetapan Senat jika gagal mendapat PNGK 1.70 atau lebih untuk semester status Percubaan itu.<br><br>Perkara 14.3 dibaca bersama 14.2 dan 14.4.1.<br><br>**14.4 Status Gagal dan Diberhentikan (FO) dan Diberhentikan (DB)**<br><br>14.4.1 Seseorang pelajar adalah Gagal dan Diberhentikan (FO) jika:<br><br>a. mendapat PNGK kurang daripada 1.00; atau | **15.2 Status Amaran (A)**<br><br>Pelajar yang memperoleh PNGK antara 1.70 hingga 1.99 akan diberi status Amaran. Status Amaran akan bertukar kepada status Percubaan jika pelajar gagal mendapat PNGK 2.00 pada akhir semester status Amaran itu.<br><br>**15.3 Status Percubaan (P)**<br><br>Pelajar yang mendapat PNGK antara 1.00 hingga 1.69 akan diberi status Percubaan. Pelajar status Percubaan akan diberhentikan mengikut penetapan Senat jika gagal mendapat PNGK 1.70 atau lebih untuk semester status Percubaan itu.<br><br>Perkara 15.3 dibaca bersama 15.4.<br><br>**15.4 Status Gagal dan Diberhentikan/*Fail and Out* (FO)**<br><br>Seseorang pelajar adalah Gagal dan diberhentikan/*Fail and Out* (FO) jika:<br><br>a. mendapat PNGK kurang daripada 1.00; atau<br><br>b. mendapat PNGK kurang daripada 1.70 dan berada dalam status Percubaan pada semester sebelumnya; atau |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
| --- | --- | --- |
| | b. mendapat PNGK kurang daripada 1.70 dan berada dalam status Percubaan pada semester sebelumnya; atau<br><br>c. tiga (3) kali berturut-turut berada pada PNGK 1.70 – 1.99.<br><br>14.4.2 Seseorang pelajar adalah Diberhentikan (DB) jika:<br><br>a. pelajar masih memperoleh gred B- dan ke bawah dalam Praktikum/Latihan Mengajar setelah mendaftar dan mengikuti program tersebut sebanyak dua (2) kali.<br><br>b. pelajar masih memperoleh gred C dan ke bawah dalam Latihan Industri setelah mendaftar dan mengikuti program tersebut sebanyak dua (2) kali.<br><br>c. pelajar yang tidak dapat menamatkan pengajiannya dalam tempoh dua belas (12) semester. | c. tiga (3) kali berturut-turut berada pada PNGK 1.70 – 1.99.<br><br>**15.5 Status Diberhentikan (DB)**<br><br>Seseorang pelajar adalah Diberhentikan (DB) jika:<br><br>a. masih memperoleh gred B- dan ke bawah dalam Praktikum / Latihan Mengajar / Latihan Industri / Internship Kaunseling / Kerja Lapangan atau yang setara setelah mendaftar dan mengikuti program tersebut sebanyak dua (2) kali.<br><br>b. pelajar yang tidak dapat menamatkan pengajiannya dalam tempoh 12 semester. |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
| --- | --- | --- |
| | **15. Rayuan Meneruskan Pengajian**<br><br>15.1 Pelajar yang Gagal dan Diberhentikan (FO) atau Diberhentikan (DB) boleh membuat rayuan kepada Universiti melalui Dekan Fakulti secara bertulis.<br><br>15.2 Perkara 15.1 adalah tertakluk selama pelajar masih berada dalam tempoh pengajian. (Rujuk Perkara 2 Kaedah Universiti, maksimum 12 semester bagi sarjana muda dan 9 semester bagi diploma)<br><br>15.3 Walau apapun yang dinyatakan pada klausa 15.1 dan 15.2, keputusan rayuan adalah tertakluk kepada Senat Universiti. | **16. Rayuan Meneruskan Pengajian**<br><br>16.1 Pelajar yang Gagal dan Diberhentikan/Fail and Out (FO) atau Diberhentikan (DB) boleh membuat rayuan kepada Universiti melalui Dekan Fakulti secara bertulis dalam tempoh dua (2) minggu selepas keputusan peperiksaan diluluskan oleh Senat.<br><br>16.2 Perkara 16.1 adalah tertakluk selama pelajar masih berada dalam tempoh pengajian. (Rujuk Perkara 2 Kaedah Universiti, tempoh pengajian bagi program sarjana muda adalah 4 hingga 12 semester).<br><br>16.3 Permohonan yang lewat diterima iaitu melebihi empat (4) minggu selepas keputusan peperiksaan diluluskan oleh Senat TIDAK AKAN diproses oleh BHEA.<br><br>16.4 Sekiranya permohonan pelajar diluluskan Senat, pelajar akan diberikan status tangguh pada semester berikutnya untuk melengkapkan proses rayuan dan semester tangguh tersebut adalah diambil kira dalam pengiraan jumlah semester. |
| | **16. Sijil Dekan**<br><br>16.1 Pelajar yang memperoleh PNGS 3.50 - 4.00 bagi semester berkenaan tertakluk dengan jumlah minimum dua belas (12) kredit.<br>16.2 Pelajar tidak disabitkan dengan tindakan tatatertib pada semester berkenaan. | **17. Sijil Dekan**<br><br>17.1 Pelajar yang memperoleh PNGS 3.50 - 4.00 bagi semester berkenaan tertakluk dengan jumlah minimum dua belas (12) kredit.<br><br>17.2 Pelajar tidak disabitkan dengan tindakan tatatertib pada semester berkenaan. |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| **PENGIJAZAHAN** | **1. Syarat-syarat Bergraduat**<br><br>Seseorang pelajar hendaklah menyempurnakan syarat-syarat berikut untuk tujuan bergraduat:<br><br>1.1 telah lulus semua kursus yang diwajibkan dalam struktur program pengajian.<br><br>1.2 mencapai PNGK 2.00 ke atas;<br><br>1.3 memenuhi apa-apa peraturan program, jika ada;<br><br>1.4 diperakui untuk dianugerahkan ijazah oleh Senat;<br><br>1.5 tidak disabitkan dengan kesalahan tatatertib. Pelajar yang telah melengkapkan struktur program pengajian dan dalam siasatan kesalahan tatatertib, akan ditangguhkan daripada bergraduat sehingga selesai perbicaraan ke atasnya;<br><br>1.6 semua pelajar wajib mendapat *Malaysian University English Test* (MUET) pada tahap *3* dan ke atas.<br><br>1.7 pelajar yang mendapat MUET pada tahap 2 dan ke bawah perlu mengulang MUET untuk memperbaiki tahap yang ditetapkan. Sekiranya masih gagal pada cubaan kali kedua, pelajar dibenarkan mendaftar General English dan wajib lulus pada Gred C ke atas. | **1. Syarat-syarat Bergraduat**<br><br>Seseorang pelajar hendaklah menyempurnakan syarat-syarat berikut untuk tujuan bergraduat:<br><br>1.1 telah lulus semua kursus yang diwajibkan dalam struktur program pengajian.<br><br>1.2 mencapai PNGK 2.00 ke atas;<br><br>1.3 memenuhi apa-apa peraturan program, jika ada;<br><br>1.4 diperakui untuk dianugerahkan ijazah oleh Senat;<br><br>1.5 tidak disabitkan dengan kesalahan tatatertib. Pelajar yang telah melengkapkan struktur program pengajian dan dalam siasatan kesalahan tatatertib akan ditangguhkan daripada bergraduat sehingga selesai perbicaraan ke atasnya;<br><br>1.6 semua pelajar wajib mendapat *Malaysian University English Test* (MUET) pada tahap satu skor agregat lebih daripada syarat kemasukan.<br><br>1.7 **Digugurkan** |

<table>
<tr><th>PERKARA</th><th>ASAL<br>(TAHUN 2021)</th><th>BAHARU<br>(TAHUN 2023)</th></tr>
<tr><td></td><td>1.8 bagi pelajar bermula Ambilan Semester 1 Sesi 2016/2017 syarat MUET dan General English untuk bergraduat adalah seperti di Jadual III.<br><br>1.9 perkara 1.6, 1.7 dan 1.8 tidak terpakai kepada pelajar antarabangsa.<br><br>1.10 Universiti mempunyai hak untuk menukar syarat-syarat bergraduat pada bila-bila masa sahaja.</td><td>1.8 bagi pelajar bermula Ambilan Semester 1 Sesi 2016/2017 syarat MUET untuk bergraduat adalah seperti di Jadual III.<br><br>1.9 perkara 1.6 dan 1.8 adalah tidak terpakai kepada pelajar antarabangsa.<br><br>1.10 bagi pelajar warganegara dengan syarat kemasukan antarabangsa yang mengikuti program Sarjana Muda Pendidikan wajib menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi tiga (3) mata pelajaran teras iaitu Bahasa Melayu, Sejarah dan Matematik dan mendapat Kepujian bagi mata pelajaran tersebut.<br><br>1.11 Universiti mempunyai hak untuk menukar syarat-syarat bergraduat pada bila-bila masa sahaja.</td></tr>
<tr><td></td><td>2. Kelas Kepujian<br><br>Pelajar yang layak akan menerima Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian mengikut kelas kepujian berasaskan PNGK berikut:-<br><br><table><tr><td>Kelas Pertama</td><td>3.70 – 4.00</td></tr><tr><td>Kelas Kedua Atas</td><td>3.00 – 3.69</td></tr><tr><td>Kelas Kedua Bawah</td><td>2.0 – 2.99</td></tr></table><br>Nota: Kelas kepujian tidak dicatatkan dalam skrol ijazah.</td><td>2. Kelas Kepujian<br><br>2.1 Pelajar yang layak akan menerima Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian mengikut kelas kepujian berasaskan PNGK berikut:-<br><br><table><tr><td>Kelas Pertama</td><td>3.70 – 4.00</td></tr><tr><td>Kelas Kedua Atas</td><td>3.00 – 3.69</td></tr><tr><td>Kelas Kedua Bawah</td><td>3.0 – 2.99</td></tr></table><br>Nota: Kelas kepujian tidak dicatatkan dalam skrol.</td></tr>
</table>

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
| --- | --- | --- |
| | **3. Anugerah Kecemerlangan**<br><br>Pelajar akan menerima Anugerah, Pingat Emas dan Hadiah Buku berikut tertakluk kepada kriteria yang telah ditetapkan oleh Universiti iaitu:-<br><br>**3.1 Anugerah Pelajaran DiRaja**<br>**3.2 Pingat Emas Canselor**<br>**3.3 Pingat Emas Lembaga Pengarah Universiti**<br>**3.4 Pingat Emas Naib Canselor**<br>**3.5 Hadiah Buku Fakulti** | **3. Anugerah Kecemerlangan**<br><br>3.1 Anugerah kecemerlangan diwujudkan sebagai pengiktirafan kepada pelajar yang telah menunjukkan prestasi cemerlang di dalam akademik dan kokurikulum.<br><br>3.2 Terdapat dua (2) kategori anugerah kecemerlangan di UPSI yang boleh dimohon oleh pelajar iaitu:<br><br>3.2.1 Anugerah Utama<br>3.2.2 Anugerah Fakulti<br><br>3.3 Senarai Anugerah Utama dan Anugerah Fakulti adalah seperti di **Jadual IV.** |
| | **4. Ijazah dan Transkrip**<br><br>4.1 Ijazah, transkrip dan salinan rekod akademik atau maklumat yang berkaitan tidak akan dikeluarkan sekiranya pelajar masih mempunyai apa-apa hutang dengan universiti termasuk bayaran denda seperti dalam **Jadual IV.**<br><br>4.2 Pelajar boleh mendapatkan apa-apa salinan dokumen yang dibenarkan oleh universiti berkaitan pengijazahan dengan membuat bayaran mengikut kadar yang ditetapkan.<br><br>4.3 Tertakluk kepada perkara 4.2, pelajar boleh mengemukakan permohonan dengan melampirkan dokumen sokongan daripada pihak-pihak berkuasa yang berkaitan. | **4. Surat Tamat Pengajian, Transkrip dan Skrol**<br><br>4.1 Surat Tamat Pengajian akan dikeluarkan setelah keputusan pelajar disahkan oleh Senat.<br><br>4.2 Transkrip dan Skrol tidak akan dikeluarkan sekiranya pelajar masih mempunyai hutang dengan universiti termasuk bayaran denda seperti dalam **Jadual V.**<br><br>4.3 Pelajar boleh mendapatkan salinan dokumen yang dibenarkan oleh universiti berkaitan pengijazahan dengan membuat bayaran mengikut kadar yang ditetapkan.<br><br>4.4 Tertakluk kepada perkara 4.3, pelajar boleh mengemukakan permohonan dengan melampirkan dokumen sokongan daripada pihak-pihak berkuasa yang berkaitan. |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | Tiada | **5. Yuran Konvokesyen**<br><br>5.1 Graduan perlu menjelaskan yuran konvokesyen sebelum mengambil transkrip atau pakaian akademik.<br><br>5.2 Kadar yuran konvokesyen adalah seperti di **Jadual VI.**<br><br>5.3 Universiti mempunyai hak untuk membuat pindaan kadar yuran konvokesyen pada bila-bila masa. |

### 3.2 PERINGKAT DIPLOMA

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| TAJUK | KAEDAH UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (PERKARA AKADEMIK) PERINGKAT DIPLOMA | Kekal |
| KEMASUKAN | Tiada | **1. Pertukaran Program Pengajian**<br><br>1.1 Permohonan pertukaran program pengajian perlu dikemukakan kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) melalui Dekan Fakulti dengan kaedah yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.<br><br>1.2 Pelajar semester pertama pengajian tidak dibenarkan memohon pertukaran program.<br><br>1.3 Permohonan pertukaran program pengajian adalah mulai semester kedua hingga semester keempat pengajian sahaja. Sekiranya permohonan diluluskan, pelajar akan mengikuti program baharu pada semester berikutnya.<br><br>1.4 Pelajar hendaklah memenuhi syarat kemasukan bagi program yang dimohon.<br><br>1.5 Semua kursus daripada program asal akan diambil kira dalam pengiraan PNGK.<br><br>1.6 Tempoh pengajian program asal akan diambil kira sebagai tempoh pengajian di Universiti.<br><br>1.7 Keputusan pertukaran adalah muktamad. Surat kelulusan pertukaran program dikeluarkan oleh BHEA. |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
| --- | --- | --- |
| | Tiada | **2. Pertukaran Universiti**<br><br>2.1 Pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris<br><br>Permohonan perlu menggunakan borang yang ditetapkan melalui Dekan dan dikemukakan untuk tindakan Bahagian Hal Ehwal Akademik.<br><br>2.2 Pelajar UA lain yang ingin bertukar ke Universiti Pendidikan Sultan Idris<br><br>2.2.1 Permohonan dibuat melalui universiti asal dan penerimaan masuk perlu diperakukan oleh Dekan program yang dipohon di Universiti Pendidikan Sultan Idris dan diluluskan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa).<br><br>2.2.2 Pelajar yang memohon perlu memenuhi syarat-syarat kemasukan program yang dipohon.<br><br>2.2.3 Pelajar yang diterima untuk bertukar universiti boleh memohon untuk pemindahan kredit. |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| **PENDAFTARAN DAN REKOD** | **1. Sistem Semester**<br><br>Universiti mengamalkan Sistem Semester. Satu sesi akademik program diploma mengandungi dua (2) semester panjang dan satu (1) semester pendek. Setiap semester panjang mengandungi empat belas (14) minggu kuliah, satu (1) minggu cuti pertengahan semester dan tiga (3) minggu peperiksaan. Semester pendek pula mengandungi tujuh (7) minggu kuliah, satu (1) minggu ulangkaji dan dua (2) minggu peperiksaan. | **Kekal** |
| | **2. Tempoh Pengajian**<br><br>Pelajar hendaklah mengikuti dan menamatkan program pengajiannya dalam tempoh empat (4) hingga sembilan (9) semester. | **Kekal** |
| | **3. Pendaftaran**<br><br>**3.1 Daftar Sebagai Pelajar Universiti**<br><br>3.1.1 Seseorang yang mendapat tawaran untuk mengikuti program Diploma hendaklah mendaftar sebagai pelajar Universiti pada tarikh pendaftaran rasmi yang ditetapkan.<br><br>3.1.2 Atas sebab-sebab yang dibenarkan oleh Universiti, pelajar boleh mendaftar pada tarikh yang ditetapkan.<br><br>**3.2 Daftar Semester** | **Kekal**<br><br>**3.2 Daftar Semester (Pelajar sedia ada)** |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | 3.2.1 Setiap pelajar hendaklah mendaftar diri pada hari pertama setiap semester dan pelajar yang belum membuat pendaftaran kursus perlu membuat pendaftaran kursus dengan denda.<br><br>3.2.2 Sekiranya gagal, pelajar perlu memohon kebenaran Dekan untuk mendaftar dalam tempoh seminggu selepas semester bermula.<br><br>**3.3 Daftar Kursus**<br><br>3.3.1 Pelajar perlu mendaftar kursus pada setiap semester untuk memenuhi tempoh pengajian dan struktur pengajian mengikut syarat-syarat pengijazahan.<br><br>3.3.2 Pelajar perlu mendaftar kursus pada setiap semester dengan had minimum dua belas (12) kredit dan maksimum dua puluh (20) kredit kecuali pelajar semester akhir. Had maksimum di atas tidak termasuk kredit praktikum/latihan mengajar/latihan industri. | 3.2.1 Setiap pelajar sedia ada hendaklah membuat pendaftaran semester seminggu sebelum semester bermula sehingga selewat-lewatnya pada hari ketiga minggu pertama setiap semester.<br><br>3.2.2 Sekiranya gagal mendaftar semester mengikut tempoh, pelajar perlu memohon kebenaran Dekan untuk mendaftar semester dengan dikenakan denda.<br><br>**3.3 Daftar Kursus (Pelajar sedia ada)**<br><br>3.3.1 Pelajar sedia ada perlu mendaftar kursus pada setiap semester untuk memenuhi tempoh dan struktur pengajian mengikut syarat-syarat pengijazahan.<br><br>3.3.2 Pelajar perlu mendaftar kursus pada setiap semester seperti berikut:<br><br>**Semester Panjang**<br><br>Had minimum dua belas (12) kredit dan maksimum dua puluh (20) kredit kecuali pelajar semester akhir. Had maksimum di atas tidak termasuk kredit Praktikum/ Latihan Mengajar/ Latihan Industri.<br><br>**Semester Pendek**<br><br>Had minimum sembilan (9) kredit dan maksimum dua belas (12) kredit kecuali pelajar semester akhir. Had maksimum di atas |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | | tidak termasuk kredit Praktikum/ Latihan Mengajar/ Latihan Industri. |
| | 3.3.3 Pelajar perlu mendaftar praktikum/latihan mengajar/latihan industri sebelum membuat pendaftaran penempatan. | 3.3.3 **Kekal** |
| | 3.3.4 Pelajar boleh membuat pendaftaran kursus tidak melebihi dua puluh satu (21) kredit kecuali kes- kes khas dengan syarat mendapat PNGK 3.25 ke atas dan dengan kelulusan Dekan. | 3.3.4 Pelajar boleh membuat pendaftaran kursus tidak melebihi jam kredit seperti berikut:<br><br>**Semester Panjang**<br><br>Dua puluh dua (22) kredit kecuali kes- kes khas dengan syarat mendapat PNGK 3.25 ke atas dan dengan kelulusan Dekan.<br><br>**Semester Pendek**<br><br>Empat belas (14) kredit kecuali kes- kes khas dengan syarat mendapat PNGK 3.25 ke atas dan dengan kelulusan Dekan. |
| | 3.3.5 Pelajar yang memilih untuk mendaftar Kursus Audit, wajib membuat pengesahan tentang status kursus tersebut. Kursus Audit tidak boleh ditukarkan kepada Kursus Pengayaan Diri.<br><br>Jam kredit Kursus Audit tidak diambil kira dalam pengiraan jumlah jam kredit dan pengiraan PNGS/PNGK. Hanya diberi catatan Gred U sahaja. | 3.3.5 **Kekal** |
| | 3.3.6 Maksimum kredit bagi pelajar yang berstatus | 3.3.6 **Kekal** |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | 'amaran' dan 'percubaan' adalah dua belas (12) kredit. | |
| | 3.3.7 Pelajar perlu membuat pra pendaftaran kursus bermula pada minggu ke-11 semester berkenaan dalam tempoh tiga (3) minggu dari tarikh yang dinyatakan oleh Universiti. | 3.3.7 Pelajar perlu membuat pra pendaftaran kursus:<br><br>**Semester Panjang**<br><br>Bermula pada minggu ke-10 hingga mingu ke-13 kuliah dari tarikh yang dinyatakan universiti.<br><br>**Semester Pendek**<br><br>Bermula pada minggu ke-5 dan mingu ke-6 kuliah dari tarikh yang dinyatakan universiti. |
| | 3.3.8 Tertakluk kepada perkara 3.3.1, setiap pelajar perlu mendaftar kursus melalui Sistem Maklumat Pelajar. | 3.3.8 **Kekal** |
| | 3.3.9 Setiap pelajar yang hendak membuat pendaftaran kursus hendaklah berbincang dan mendapat persetujuan Penasihat Akademik (PA) sebelum membuat pendaftaran kursus. | 3.3.9 **Kekal** |
| | 3.3.10 Pelajar bertanggungjawab memastikan tiada sebarang kesilapan dalam rekod pendaftaran kursus. | 3.3.10 **Kekal** |
| | 3.3.11 Pelajar yang mendaftar kursus kurang daripada 12 jam kredit boleh diarahkan untuk menangguhkan pengajian pada semester berkenaan kecuali: | 3.3.11 Pelajar yang mendaftar kursus kurang daripada 12 jam kredit (semester panjang) dan 9 jam kredit (semester pendek) boleh diarahkan untuk menangguhkan pengajian pada semester berkenaan kecuali: |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | i. pelajar semester akhir; atau<br>ii. kes-kes khas dengan kelulusan Dekan.<br><br>**3.4 Pendaftaran Kursus Lewat**<br><br>Pelajar yang lewat mendaftar kursus iaitu selepas minggu kedua kuliah akan dikenakan denda.<br><br>**3.5 Gugur/Tambah Kursus**<br><br>3.5.1 Gugur Kursus<br><br>i. Pelajar dibenarkan membuat pengguguran kursus yang telah didaftarkan mulai minggu pertama (1) sehingga minggu ketujuh (7) selepas semester bermula.<br><br>ii. Tiada gugur kursus dibenarkan selepas minggu kuliah berakhir pada minggu ke-14, kecuali atas masalah kesihatan yang disahkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan atau justifikasi lain yang difikirkan wajar berdasarkan budi bicara Dekan Fakulti. | i. pelajar semester akhir; atau<br>ii. kes-kes khas dengan kelulusan Dekan.<br><br>**3.4 Kekal**<br><br>**3.5 Gugur/Tambah Kursus**<br><br>3.5.1 Gugur Kursus<br><br>**Semester Panjang**<br><br>Pelajar dibenarkan membuat pengguguran kursus yang telah didaftarkan mulai minggu pertama (1) sehingga minggu empat (4) selepas semester bermula.<br><br>Tiada gugur kursus dibenarkan selepas minggu empat (4), kecuali atas masalah kesihatan yang disahkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan atau justifikasi lain yang difikirkan wajar berdasarkan budi bicara Dekan Fakulti.<br><br>**Semester Pendek**<br><br>Pelajar dibenarkan membuat pengguguran kursus yang telah didaftarkan mulai minggu pertama (1) sehingga minggu dua (2) selepas semester bermula.<br>Tiada gugur kursus dibenarkan selepas minggu dua (2) kecuali atas masalah kesihatan yang disahkan oleh Pegawai Perubatan |

| PERKARA | ASAL<br>(TAHUN 2021) | BAHARU<br>(TAHUN 2023) |
| --- | --- | --- |
| | 3.5.2 Tambah Kursus<br><br>i. Pelajar boleh menambah kursus dalam tempoh dua (2) minggu selepas semester bermula.<br><br>ii. Daftar kursus secara berdenda boleh dibuat sehingga minggu ketiga (3) sahaja. Pendaftaran kursus selepas tempoh tersebut tidak dibenarkan. | Kerajaan atau justifikasi lain yang difikirkan wajar berdasarkan budi bicara Dekan Fakulti.<br><br>3.5.2 Tambah Kursus<br><br>**Semester Panjang**<br><br>Pelajar boleh menambah kursus dalam tempoh dua (2) minggu selepas semester bermula mengikut kapasiti yang ditawarkan. Daftar kursus secara berdenda boleh dibuat sehingga minggu ketiga (3) sahaja sekiranya mendapat persetujuan pensyarah yang mengajar kursus berkenaan. Pendaftaran kursus selepas tempoh tersebut tidak dibenarkan.<br><br>**Semester Pendek**<br><br>Pelajar boleh menambah kursus dalam tempoh satu (1) minggu selepas semester bermula mengikut kapasiti yang ditawarkan. Daftar kursus secara berdenda boleh dibuat sehingga minggu dua (2) sahaja sekiranya mendapat persetujuan pensyarah yang mengajar kursus berkenaan. Pendaftaran kursus selepas tempoh tersebut tidak dibenarkan. |
| | **3.6 Mengulang Kursus**<br><br>3.6.1 Pelajar yang memperoleh Gred C- dan ke bawah bagi mana-mana kursus Teras (tertakluk kepada pilihan fakulti) dan kursus Bahasa Inggeris (Komponen Kursus Universiti) diwajibkan mengulang kursus berkenaan. | **3.6 Kekal**<br><br>3.6.1 **Kekal** |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | 3.6.2 Pelajar yang mendapat Gred C- dan ke bawah bagi kursus teras major (tertakluk kepada pilihan fakulti) wajib mengulang kursus tersebut dan lulus sekurang-kurangnya pada gred C sebagai syarat untuk bergraduat. | 3.6.2 **Kekal** |
| | 3.6.3 Pelajar yang mendapat Gred C- dan ke bawah dalam mana-mana kursus selain di perkara 3.6.1 boleh mengulang kursus tersebut atau kursus gantian yang setara untuk memperbaiki PNGK. | 3.6.3 **Kekal** |
| | 3.6.4 Bagi pelajar yang memperoleh Gred B- ke bawah dalam praktikum/latihan mengajar, pelajar diwajibkan mengulang praktikum/latihan mengajar tersebut sebanyak satu (1) kali sahaja. | 3.6.4 Bagi pelajar yang memperoleh Gred B- ke bawah dalam praktikum/latihan mengajar dan latihan industri, pelajar diwajibkan mengulang praktikum/latihan mengajar dan latihan industri tersebut sebanyak satu (1) kali sahaja |
| | 3.6.5 Bagi Pelajar yang memperoleh Gred C ke bawah dalam Latihan Industri, pelajar diwajibkan mengulang Latihan Industri tersebut sebanyak satu (1) kali sahaja. | 3.6.5 **Digugurkan** |
| | 3.6.6 Bagi setiap kursus yang diulang, hanya Gred yang terbaik akan diambil kira dalam pengiraan PNGK dan keputusan asal yang berkaitan kekal dicatatkan dalam transkrip. | 3.6.6 Bagi setiap kursus yang diulang, hanya Gred yang terbaik akan diambil kira dalam pengiraan PNGK dan keputusan asal yang berkaitan kekal dicatatkan dalam transkrip. |
| | **3.7 Pengecualian Kredit (Kursus)** | **3.7 Kekal** |
| | 3.7.1 Pengecualian kredit ialah pengecualian yang diberi kepada pelajar daripada mengikuti kursus tertentu | |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | yang diiktiraf oleh Senat untuk pengajian di Universiti kerana telah memenuhi syarat lulus kursus setara yang diambil dari mana-mana institusi sebelum diterima.<br><br>3.7.2 Pelajar boleh memohon pengecualian kursus daripada fakulti dalam semester pertama selepas pelajar mendaftar sebagai pelajar Universiti.<br><br>3.7.3 Kriteria pengecualian kredit adalah seperti berikut:<br><br>i. Memperoleh sekurang-kurangnya Gred B bagi kursus-kursus berkenaan.<br><br>ii. Kursus tidak melebihi tempoh lima (5) tahun.<br><br>iii. Jumlah maksimum tidak melebihi 50% daripada jumlah kredit untuk sesuatu program yang diikuti.<br><br>iv. Kursus yang dipohon untuk pengecualian kredit perlu mempunyai kesetaraan kurikulum tidak kurang 80% dengan kursus yang ditawarkan *(Dasar pindah kredit yang ditetapkan oleh* Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)).<br><br>v. Kursus yang boleh dipindahkan kredit hendaklah daripada program yang mendapat Akreditasi/Pengiktirafan dari badan yang | |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
| --- | --- | --- |
| | berautoriti di negara berkenaan.<br><br>vi. Pelajar boleh memohon pemindahan kredit melalui fakulti dalam tempoh empat (4) minggu selepas mendaftar sebagai pelajar Universiti.<br><br>3.7.4 Pengecualian kredit Kursus Universiti hanya dibenarkan secara *horizontal* sahaja.<br><br>3.7.5 Permohonan pengecualian kursus oleh pelajar perlu mengemukakan sinopsis kursus terlibat.<br><br>3.7.6 Kursus yang diberi pengecualian tidak diambil kira dalam pengiraan PNGS dan PNGK.<br><br>**3.8 Pemindahan Kredit Antara IPT**<br><br>3.8.1 Pemindahan kredit ialah kredit yang diperoleh oleh seseorang pelajar sesebuah IPT dari IPT lain, setelah mengikut kursus tertentu dan lulus dalam tempoh pengajian yang dibenarkan dengan kelulusan fakulti tempat di mana dia mendaftar sebagai pelajar.<br><br>3.8.2 Kriteria pemindahan kredit adalah seperti berikut:<br><br>i. Tertakluk kepada perkara 3.7.3.<br><br>ii. Nilai kredit kursus berkenaan perlu sama dengan nilai kredit kursus bagi program di | **3.8 Kekal** |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | UPSI.<br><br>iii. Kursus yang dipindahkan kredit akan diambil kira dalam pengiraan PNGS dan PNGK untuk pengijazahan.<br>iv. | |
| | **3.9 Pemindahan Kredit APEL (C)**<br><br>Kursus yang dipohon untuk pindah kredit bagi APEL (C) hendaklah berdasarkan dasar yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). | **3.9 Pemindahan Kredit APEL.C**<br><br>Pengecualian kredit maksimum 60% bagi gabungan pindah kredit yang melibatkan kelayakan akademik dan Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu bagi Tujuan Penganugerahan Kredit APEL.C, *Massive Open Online Courses* (MOOC) dan *Micro-credentials* (MC).<br><br>Rujuk Garis Panduan Permohonan APEL (C) Pindaan 2018 UPSI<br>Rujuk Garis Panduan Pembangunan *Massive Open Online Course* (MOOC) UPSI Tahun 2023<br>Rujuk Garis Panduan Amalan Baik: *Micro-credentials* (surat makluman MQA Bil. 8/2020 bertarikh 10 Ogos 2020) |
| | **3.10 Penyemakan Pendaftaran Kursus**<br><br>Pelajar perlu menyemak dan mengesahkan kursus-kursus yang telah didaftarkan pada minggu ke lapan (8) semester semasa | **3.10 Penyemakan Pendaftaran Kursus**<br><br>**Semester Panjang**<br>Pelajar perlu menyemak dan mengesahkan kursus-kursus yang telah didaftarkan pada minggu ke lapan dan sembilan semester semasa.<br><br>**Semester Pendek**<br>Pelajar perlu menyemak dan mengesahkan kursus-kursus yang telah didaftarkan pada minggu ke tiga dan empat semester semasa. |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
| --- | --- | --- |
| | **4. Keperluan Kehadiran Kursus** | **4. Keperluan Kehadiran Kursus** |
| | 4.1 Pelajar wajib hadir semua kuliah, tutorial, makmal, studio atau aktiviti lain yang berhubung dengan kursus pengajiannya termasuk pelajar yang mendaftar Kursus Audit. | 4.1 **Kekal** |
| | 4.2 Kehadiran yang kurang daripada 80% menyebabkan pelajar dihalang daripada menduduki peperiksaan akhir kursus berkenaan. | 4.2 Kehadiran yang kurang daripada 80% tanpa alasan yang dibenarkan menyebabkan pelajar dihalang daripada menduduki peperiksaan akhir kursus berkenaan. Alasan yang dibenarkan merujuk kepada pelajar yang mengalami masalah kesihatan yang disahkan oleh pegawai perubatan kerajaan atau mewakili universiti dalam acara sukan atau menjalani aktiviti yang diarahkan oleh kerajaan atau universiti untuk tempoh tertentu yang diluluskan oleh Dekan. |
| | 4.3 Bagi kursus yang tiada peperiksaan akhir, pelajar wajib hadir semua kuliah, tutorial, makmal, studio atau aktiviti lain berhubung kursus berkaitan. Kehadiran yang kurang daripada 80% boleh menjejaskan pencapaian pelajar dalam kursus berkenaan. | 4.3 **Kekal** |
| | 4.4 Perkara 4.1, 4.2 dan 4.3 boleh dikecualikan kepada pelajar yang mengalami masalah kesihatan yang disahkan oleh pegawai perubatan kerajaan atau mewakili negara dalam acara sukan atau menjalani aktiviti yang diarahkan oleh kerajaan atau Universiti untuk tempoh tertentu yang diluluskan oleh Dekan. | 4.4 **Digugurkan** |

| PERKARA | ASAL<br>(TAHUN 2021) | BAHARU<br>(TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | 4.5 Perkara 4.1 dan 4.3 di atas turut terpakai kepada pelajar yang mendaftar Kursus Audit. | 4.5 **Digugurkan** |
| | **5. Penangguhan Pengajian**<br><br>5.1 Pelajar yang ingin menangguhkan pengajian perlu mengisi permohonan melalui portal pelajar untuk kelulusan Dekan.<br><br>5.2 Pelajar semester pertama pengajian tidak dibenarkan untuk menangguh pengajian kecuali atas sebab kesihatan yang disahkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan dan kes-kes khas yang diluluskan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa).<br><br>5.3 Permohonan penangguhan pengajian hanya boleh dibuat sehingga minggu ke-6 kuliah kecuali atas sebab kesihatan (diperakui oleh Pegawai Perubatan Kerajaan) dan budi bicara Dekan. | **5. Penangguhan Pengajian**<br><br>5.1 Pelajar yang ingin menangguh pengajian perlu mengisi permohonan melalui portal pelajar untuk kelulusan Fakulti.<br><br>5.2 **Kekal**<br><br>5.3 Permohonan penangguhan pengajian<br><br>**Semester Panjang**<br><br>Pelajar semester dua dan ke atas hanya boleh dibuat sehingga minggu ke-6 kuliah kecuali atas sebab kesihatan (diperakui oleh Pegawai Perubatan Kerajaan) dan budi bicara Dekan.<br><br>**Semester Pendek**<br><br>Pelajar semester dua dan ke atas hanya boleh dibuat sehingga minggu ke-2 kuliah kecuali atas sebab kesihatan (diperakui oleh Pegawai Perubatan Kerajaan) dan budi bicara Dekan. |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | 5.4 Kelulusan penangguhan pengajian kepada pelajar yang menghadapi masalah kesihatan sahaja tidak akan diambil kira dalam jumlah pengiraan semester yang dibenarkan dalam pengijazahan. | 5.4 **Kekal** |
| | 5.5 Pelajar tidak dibenarkan membuat penangguhan pengajian selama dua (2) semester berturut-turut kecuali atas masalah kesihatan dan disahkan oleh pegawai perubatan kerajaan. | 5.5 **Kekal** |
| | 5.6 Bagi rayuan penangguhan pengajian melebihi dua (2) semester berturut-turut atas faktor kesihatan kritikal, pelajar diwajibkan mengemukakan laporan perubatan terkini dari Pegawai Perubatan Kerajaan. | 5.6 **Kekal** |
| | 5.7 Tempoh maksimum penangguhan berturut-turut yang dibenarkan ialah enam (6) semester sahaja setelah mendapat perakuan penilaian oleh Pusat Kesihatan UPSI. | 5.7 Tempoh maksimum penangguhan berturut-turut yang dibenarkan ialah lapan (8) semester sahaja setelah mendapat perakuan penilaian oleh Pusat Kesihatan UPSI. Perakuan penilaian oleh Pusat Kesihatan UPSI hendaklah dibuat setiap dua (2) semester sepanjang tempoh penangguhan. |
| | 5.8 Pelajar yang mewakili negara dalam acara sukan atau menjalani aktiviti yang diarahkan oleh kerajaan atau Universiti boleh diberi kelulusan khas untuk menangguhkan pengajian maksimum tiga (3) Semester. Penangguhan tersebut tidak diambil kira dalam jumlah pengiraan semester yang dibenarkan dalam pengijazahan. | 5.8 Pelajar yang mewakili universiti dalam acara sukan atau menjalani aktiviti yang diarahkan oleh kerajaan atau Universiti boleh diberi kelulusan khas untuk menangguhkan pengajian maksimum tiga (3) Semester. Penangguhan tersebut tidak diambil kira dalam jumlah pengiraan semester yang dibenarkan dalam pengijazahan |
| | 5.9 Pelajar sepenuh masa yang bekerja tertakluk kepada | 5.9 **Digugurkan** |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | Perkara 2 Tempoh Pengajian dan peraturan 5.5 Penangguhan Pengajian. Sekiranya tidak memenuhi peraturan di atas pelajar akan digugurkan status. | |
| | **6. Menarik Diri/Berhenti Daripada Pengajian**<br><br>6.1 Pelajar yang berhasrat untuk menarik diri atau berhenti daripada pengajian boleh membuat permohonan melalui portal pelajar untuk perakuan Ketua Jabatan dan kelulusan Dekan.<br><br>6.2 Pelajar adalah bertanggungjawab menyelesaikan semua hutang dan memulangkan bahan-bahan pinjaman yang menjadi hak milik Universiti.<br><br>6.3 Permohonan menarik diri atau berhenti adalah pilihan pelajar sendiri. Sehubungan itu, permohonan yang telah diluluskan adalah muktamad dan TIADA rayuan meneruskan pengajian yang boleh dipertimbangkan. | **6. Menarik Diri/Berhenti Daripada Pengajian**<br><br>6.1 Pelajar yang berhasrat untuk menarik diri atau berhenti daripada pengajian boleh membuat permohonan melalui portal pelajar untuk kelulusan Fakulti.<br><br>6.2 **Kekal**<br><br>6.3 **Kekal** |
| | **7. Gugur Status Sebagai Pelajar**<br><br>7.1 Status seseorang pelajar Universiti akan gugur sekiranya:<br><br>i. Tidak mendaftar semester dalam tempoh dua (2) minggu selepas semester bermula tanpa memberi sebab secara bertulis kepada Dekan berkenaan.<br><br>ii. Tidak mendaftar kursus dalam tempoh dua (2) | **7. Gugur Status Sebagai Pelajar**<br><br>7.1 Status seseorang pelajar Universiti akan gugur sekiranya :<br><br>7.1.1 Tidak mendaftar **semester** dalam tempoh dua (2) minggu selepas semester bermula tanpa memberi sebab secara bertulis kepada Dekan berkenaan.<br><br>7.1.2 Tidak mendaftar **kursus** dalam tempoh dua (2) minggu |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | minggu selepas semester bermula tanpa memberi sebab secara bertulis kepada Dekan berkenaan.<br><br>iii. Tidak menghadiri kuliah dalam tempoh empat minggu berturut-turut.<br><br>7.2 Pelajar yang gugur statusnya dibenarkan membuat rayuan meneruskan pengajian kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) melalui Dekan Fakulti pada semester dia dikenakan tindakan tersebut.<br><br>7.3 Sekiranya permohonan diluluskan, pelajar boleh meneruskan pengajian pada semester berikutnya dan semester gugur statusnya akan diambil kira sebagai tempoh pengajian.<br><br>7.4 Rayuan meneruskan pengajian hanya dibenarkan selama pelajar masih berada dalam tempoh pengajian. (Rujuk Perkara 2 Kaedah Universiti maksimum 9 semester bagi diploma). | selepas semester bermula tanpa memberi sebab secara bertulis kepada Dekan berkenaan.<br><br>7.2 Status seseorang pelajar universiti akan gugur sekiranya tidak menghadiri kuliah tanpa alasan dibenarkan dalam tempoh empat (4) minggu berturut-turut<br><br>7.3 Pelajar yang gugur statusnya dibenarkan membuat rayuan meneruskan pengajian kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) melalui Dekan Fakulti pada semester dia dikenakan tindakan tersebut.<br><br>7.4 Sekiranya permohonan diluluskan, pelajar boleh meneruskan pengajian pada semester berikutnya dan semester gugur statusnya akan diambil kira sebagai tempoh pengajian.<br><br>7.5 Rayuan meneruskan pengajian hanya dibenarkan selama pelajar masih berada dalam tempoh pengajian. (Rujuk Perkara 2 Kaedah Universiti, maksimum 9 semester bagi diploma). |
| | **8. Penggantungan Pengajian**<br><br>Penggantungan pengajian disebabkan oleh tindakan tatatertib diambil kira sebagai tempoh pengajian. | **Kekal** |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | **9. Pertukaran Program Pengajian** | **Digugurkan dan dimasukkan di bawah perkara Kemasukan** |
| | **10. Pertukaran Universiti** | **Digugurkan dan dimasukkan di bawah perkara Kemasukan** |
| | **11. Penasihatan Akademik**<br><br>11.1 Penasihatan Akademik adalah kerjasama yang diberikan oleh kakitangan akademik untuk membimbing, menasihat dan membantu mengatasi/menyelesaikan masalah pelajar dalam hal ehwal akademik.<br><br>11.2 Dalam sistem semester berkredit, pelajar dibenarkan memilih kursus-kursus mengikut minat dan kemampuan/keupayaan sendiri. Oleh yang demikian, Penasihat Akademik perlu memberi bimbingan kepada pelajar agar menggunakan peluang dan kesempatan dengan lebih terancang semasa pengajian di universiti demi kejayaan sehingga mereka tamat pengajian.<br><br>11.3 Konsep Penasihat Akademik<br><br>11.3.1 Penasihat Akademik (PA) ialah seorang kakitangan akademik Universiti yang ditugaskan membimbing seseorang pelajar dalam perancangan akademiknya.<br><br>11.3.2 Di bawah sistem ini, seseorang PA akan | **11. Penasihatan Akademik**<br><br>Rujuk Garis Panduan Penasihatan Akademik Universiti Pendidikan Sultan Idris (Kelulusan Senat Kali Ke-202 Bil. 6/2021 pada 10 Jun 2021). |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | ditugaskan untuk membantu pelajar-pelajar dalam memperjelaskan objektif-objektif pengajian, menyusun pengambilan kursus-kursus akademik dan menggunakan keupayaan-keupayaan yang ada pada diri mereka untuk memenuhi keperluan pengijazahan.<br><br>11.3.3 Seseorang Penasihat Akademik (PA) akan ditugaskan membantu dan menasihatkan sekumpulan pelajar bermula dari awal pengajian, iaitu semasa mereka memasuki universiti sehinggalah mereka tamat pengajian di universiti ini.<br><br>11.3.4 Pentadbir fakulti perlu membuat agihan pelajar-pelajar baharu untuk diletakkan dibawah jagaan PA dalam kalangan kakitangan akademik fakulti masing-masing melalui MySIS-*Academic Advisor Setup*.<br><br>11.4 Peranan dan Tanggungjawab Penasihat Akademik<br><br>11.4.1 Memberi nasihat kepada pelajar-pelajar di bawah jagaannya dalam hal-hal akademik, seperti pemilihan bidang-bidang pengkhususan, minor dan pendaftaran kursus-kursus pra syarat dan sebagainya.<br><br>11.4.2 Penasihat Akademik diminta mengadakan pertemuan sebanyak sekurang-kurangnya tiga | |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | (3) kali dalam satu semester.<br><br>11.4.3 Rekod pertemuan pensyarah dan pelajar di bawah jagaannya hendaklah dikemaskini dalam sistem MySIS *Academic Advisory* yang perlu disemak dan dianalisis oleh pihak fakulti.<br><br>11.5 Maklumat lanjut berkenaan Penasihatan Akademik boleh dirujuk dalam Garis Panduan Penasihatan Akademik UPSI. | |
| **PEPERIKSAAN** | **1. Jadual Peperiksaan**<br><br>Pengumuman jadual peperiksaan akhir akan dibuat oleh Bahagian Akademik selewat-lewatnya dua (2) minggu sebelum peperiksaan bermula. Kesilapan pelajar menyemak jadual peperiksaan tidak membolehkan peperiksaan ganti diadakan.<br><br>**2. Penyemakan Jadual Peperiksaan**<br><br>Tempoh penyemakan adalah dalam masa tujuh (7) hari selepas draf jadual peperiksaan diumumkan pada minggu ke sepuluh (10). Sebarang pertembungan jadual, perlu dilaporkan oleh pelajar secara bertulis kepada Bahagian Akademik. | **1. Tarikh Peperiksaan**<br><br>1.1 Penetapan tarikh peperiksaan adalah berdasarkan Takwim Akademik setiap semester yang telah diluluskan oleh Senat Universiti.<br><br>1.2 Peperiksaan boleh diadakan setiap hari dalam tempoh peperiksaan yang telah ditetapkan oleh Senat kecuali pada hari yang diisytiharkan sebagai cuti umum/kelepasan am.<br><br>**2. Penyemakan Jadual Peperiksaan**<br><br>2.1 Draf Jadual Peperiksaan Akhir akan dikeluarkan oleh BHEA selewat-lewatnya pada minggu ke-10 kuliah bagi semester panjang dan pada minggu ke-4 bagi semester pendek.<br><br>2.2 Pensyarah diberi tempoh 7 hari untuk menyemak draf tersebut bagi memastikan tiada pertembungan jadual peperiksaan berlaku. Sebarang perubahan jadual hendaklah dikemukakan secara rasmi kepada BHEA. |

| PERKARA | ASAL<br>(TAHUN 2021) | BAHARU<br>(TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | | 2.3 Draf Jadual Peperiksaan Akhir adalah muktamad sekiranya tiada perubahan sepanjang tempoh semakan dilaporkan. |
| | | **3. Jadual Peperiksaan**<br><br>Jadual muktamad peperiksaan akhir dikeluarkan oleh BHEA 2 minggu sebelum peperiksaan berlangsung bagi semester panjang dan 1 minggu sebelum peperiksaan berlangsung bagi semester pendek. |
| | **3. Slip Menduduki Peperiksaan**<br><br>Slip Menduduki Peperiksaan adalah dokumen rasmi yang wajib dibawa ke dewan/bilik peperiksaan. Pelajar diwajibkan mengambil slip berkenaan dari fakulti selewat-lewatnya tujuh (7) hari sebelum minggu peperiksaan bermula. | **4. Slip Menduduki Peperiksaan**<br><br>4.1 Slip Menduduki Peperiksaan adalah dokumen rasmi yang wajib dibawa ke dewan/bilik peperiksaan.<br><br>4.2 Pelajar tidak dibenarkan membuat catatan pada slip tersebut.<br><br>4.3 Pelajar boleh mencetak slip peperiksaan akhir di portal pelajar selepas jadual muktamad dikeluarkan. |
| | **4. Peraturan Peperiksaan**<br><br>Pelajar diwajibkan mematuhi semua peraturan peperiksaan yang berkuat kuasa di universiti. Setiap peperiksaan yang dijalankan oleh universiti adalah tertakluk kepada Peraturan Am Peperiksaan seperti yang dinyatakan di **Jadual I** kepada kaedah-kaedah ini. | **5. Peraturan Peperiksaan**<br><br>Pelajar diwajibkan mematuhi semua peraturan peperiksaan yang berkuat kuasa di universiti. Setiap peperiksaan yang dijalankan oleh universiti adalah tertakluk kepada Peraturan Am Peperiksaan seperti yang dinyatakan di **Jadual I** kepada kaedah-kaedah ini. |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | **5. Kecurangan Akademik**<br><br>5.1 Seseorang pelajar boleh ditafsirkan sebagai telah melakukan kecurangan akademik jika didapati melanggar perkara 8 Kaedah-Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tatatertib Pelajar) 1999 iaitu perkara yang dilarang dilakukakan semasa peperiksaan. Sebagai penjelasan kepada perkara tersebut, pelajar tidak boleh:<br><br>i. mengambil apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain, kecuali yang diberi kuasa oleh pemeriksa, ke dalam atau ke luar dari sesuatu bilik peperiksaan, atau menerima apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain daripada mana-mana orang lain semasa dalam bilik peperiksaan, kecuali seseorang pelajar boleh, semasa dia di dalam bilik peperiksaan, menerima daripada pengawas peperiksaan apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain yang telah disyorkan oleh pemeriksa atau Jawatankuasa Peperiksaan, dan diberi kuasa oleh Naib Canselor ; atau<br><br>ii. menulis, atau telah menulisnya melalui orang lain, apa-apa maklumat atau gambar rajah yang mungkin berkaitan dengan peperiksaan yang didudukinya, di atas | **6. Kecurangan Akademik**<br><br>6.1 Seseorang pelajar boleh ditafsirkan sebagai telah melakukan kecurangan akademik jika didapati melanggar perkara 8 Kaedah-Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tatatertib Pelajar) 1999 iaitu:<br><br>i. mengambil apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain, kecuali yang diberi kuasa oleh pemeriksa, ke dalam atau ke luar dari sesuatu bilik peperiksaan, atau menerima apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain daripada mana-mana orang lain semasa dalam bilik peperiksaan, kecuali seseorang pelajar boleh, semasa dia di dalam bilik peperiksaan, menerima daripada pengawas peperiksaan apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain yang telah disyorkan oleh pemeriksa atau Jawatankuasa Peperiksaan, dan diberi kuasa oleh Naib Canselor ; atau<br><br>ii. menulis, atau telah menulisnya melalui orang lain, apa-apa maklumat atau gambar rajah yang mungkin berkaitan dengan peperiksaan yang didudukinya, di atas tangannya atau di atas mana-mana bahagian lain tubuh badannya, atau di atas pakaiannya ; atau<br><br>iii. berhubung dengan mana-mana pelajar lain semasa sesuatu peperiksaan melalui apa-apa jua cara; atau<br><br>iv. menipu atau cuba untuk menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu atau cuba untuk menipu |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | tangannya atau di atas mana-mana bahagian lain tubuh badannya, atau di atas pakaiannya ; atau<br><br>iii. berhubung dengan mana-mana pelajar lain semasa sesuatu peperiksaan melalui apa-apa jua cara; atau<br><br>iv. menipu atau cuba untuk menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu atau cuba untuk menipu dalam sesuatu peperiksaan, semasa peperiksaan itu sedang dijalankan. | dalam sesuatu peperiksaan, semasa peperiksaan itu sedang dijalankan. |
| | 5.2 Pelajar tidak boleh memplagiat apa-apa idea, penulisan, data atau ciptaan kepunyaan orang lain bagi apa-apa tujuan sekali pun. Bagi maksud perkara ini, plagiarisme termasuklah:<br><br>i. perbuatan mengambil sesuatu idea, penulisan, data atau ciptaan orang lain dan mendakwa bahawa idea, penulisan, data atau ciptaan itu ialah hasil dapatan atau ciptaannya sendiri; atau<br><br>ii. suatu cubaan untuk menonjolkan atau perbuatan menonjolkan, dengan apa-apa cara, bahawa dia ialah sumber asal atau pencipta sesuatu idea, penulisan, data atau ciptaan yang sebenarnya telah diambil daripada mana-mana sumber lain. | 6.2 Pelajar tidak boleh memplagiat apa-apa idea, penulisan, data atau ciptaan kepunyaan orang lain bagi apa-apa tujuan sekali pun. Bagi maksud perkara ini, plagiarisme termasuklah—<br><br>i. perbuatan mengambil sesuatu idea, penulisan, data atau ciptaan orang lain dan mendakwa bahawa idea, penulisan, data atau ciptaan itu ialah hasil dapatan atau ciptaannya sendiri; atau<br><br>ii. suatu cubaan untuk menonjolkan atau perbuatan menonjolkan, dengan apa-apa cara, bahawa dia ialah sumber asal atau pencipta sesuatu idea, penulisan, data atau ciptaan yang sebenarnya telah diambil daripada mana-mana sumber lain.<br><br>iii. menerbitkan, atas namanya sendiri sebagai pengarang, suatu ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik, atau buku yang keseluruhannya atau sebahagiannya ditulis oleh mana-mana orang lain; |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
| --- | --- | --- |
| | iii. menerbitkan, atas namanya sendiri sebagai pengarang, suatu ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik, atau buku yang keseluruhannya atau sebahagiannya ditulis oleh mana-mana orang lain;<br><br>iv. menggabungkan dirinya atau membenarkan dirinya digabungkan sebagai pengarang bersama sesuatu ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik, atau buku, sedangkan dia tidak langsung membuat apa-apa sumbangan bertulis bagi ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik, atau buku itu;<br><br>v. memetik data akademik yang merupakan hasil penyelidikan yang dijalankan oleh mana-mana orang lain, seperti dapatan makmal atau dapatan kerja lapangan atau data yang diperoleh melalui penyelidikan perpustakaan sama ada yang diterbitkan atau tidak diterbitkan, dan menggabungkan data itu sebagai sebahagian daripada penyelidikan/penulisan/penerbitan akademiknya tanpa memberikan pengiktirafan yang sewajarnya kepada sumber asal; | iv. menggabungkan dirinya atau membenarkan dirinya digabungkan sebagai pengarang bersama sesuatu ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik, atau buku, sedangkan dia tidak langsung membuat apa-apa sumbangan bertulis bagi ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik, atau buku itu;<br><br>v. memetik data akademik yang merupakan hasil penyelidikan yang dijalankan oleh mana-mana orang lain, seperti dapatan makmal atau dapatan kerja lapangan atau data yang diperoleh melalui penyelidikan perpustakaan sama ada yang diterbitkan atau tidak diterbitkan, dan menggabungkan data itu sebagai sebahagian daripada penyelidikan/penulisan/penerbitan akademiknya tanpa memberikan pengiktirafan yang sewajarnya kepada sumber asal;<br><br>vi. menggunakan data penyelidikan yang diperoleh melalui kerja usaha sama dengan mana-mana orang lain, sama ada atau tidak orang lain itu ialah pekerja atau pelajar lain Universiti, sebagai sebahagian daripada penyelidikan / penulisan / penerbitan akademik peribadinya yang lain, atau bagi penerbitan atas namanya sendiri sebagai pengarang tunggal, tanpa memperoleh keizinan penyelidik bersamanya sebelum memulakan penyelidikan/penulisan/penerbitannya sendiri;<br><br>vii. memaksa orang lain untuk memasukkan namanya dalam senarai penyelidik bersama bagi sesuatu projek penyelidikan tertentu atau dalam senarai pengarang bersama bagi sesuatu penerbitan sedangkan dia tidak membuat apa-apa sumbangan yang boleh melayakkan dirinya menjadi penyelidik bersama atau pengarang bersama; |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | vi. menggunakan data penyelidikan yang diperoleh melalui kerja usaha sama dengan mana-mana orang lain, sama ada atau tidak orang lain itu ialah pekerja atau pelajar lain Universiti, sebagai sebahagian daripada penyelidikan/penulisan/penerbitan akademik peribadinya yang lain, atau bagi penerbitan atas namanya sendiri sebagai pengarang tunggal, tanpa memperoleh keizinan penyelidik bersamanya sebelum memulakan penyelidikan/penulisan/penerbitannya sendiri;<br><br>vii. memaksa orang lain untuk memasukkan namanya dalam senarai penyelidik bersama bagi sesuatu projek penyelidikan tertentu atau dalam senarai pengarang bersama bagi sesuatu penerbitan sedangkan dia tidak membuat apa-apa sumbangan yang boleh melayakkan dirinya menjadi penyelidik bersama atau pengarang bersama;<br><br>viii. menyalin idea atau ciptaan orang lain yang disimpan dalam apa-apa jua bentuk, sama ada bertulis, tercetak atau tersedia dalam bentuk elektronik, atau dalam bentuk slaid, atau dalam apa-apa jua bentuk pengajaran atau perkakas penyelidikan atau dalam | viii. menyalin idea atau ciptaan orang lain yang disimpan dalam apa-apa jua bentuk, sama ada bertulis, tercetak atau tersedia dalam bentuk elektronik, atau dalam bentuk slaid, atau dalam apa-apa jua bentuk pengajaran atau perkakas penyelidikan atau dalam apa-apa bentuk lain, dan mengaku sama ada secara langsung atau tidak langsung bahawa dia ialah pencipta idea atau ciptaan itu;<br><br>ix. menterjemahkan hasil penulisan atau karya orang lain daripada satu bahasa ke dalam bahasa lain sama ada atau tidak secara keseluruhan atau sebahagian, dan kemudian mengaku bahawa terjemahan itu yang dibuat dalam apa-apa jua bentuk atau cara sebagai hasil penulisan atau karya asalnya sendiri; atau<br><br>x. memetik idea daripada penulisan atau ciptaan orang lain dan membuat ubah suaian tertentu tanpa menyebut dengan sewajarnya sumber asal dan menyusunnya semula dengan apa-apa cara sehingga kelihatan seolah-olah dia ialah pencipta idea itu. |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
| --- | --- | --- |
| | apa-apa bentuk lain, dan mengaku sama ada secara langsung atau tidak langsung bahawa dia ialah pencipta idea atau ciptaan itu;<br><br>ix. menterjemahkan hasil penulisan atau karya orang lain daripada satu bahasa ke dalam bahasa lain sama ada atau tidak secara keseluruhan atau sebahagian, dan kemudian mengaku bahawa terjemahan itu yang dibuat dalam apa-apa jua bentuk atau cara sebagai hasil penulisanatau karya asalnya sendiri; atau<br><br>x. memetik idea daripada penulisan atau ciptaan orang lain dan membuat ubah suaian tertentu tanpa menyebut dengan sewajarnya sumber asal dan menyusunnya semula dengan apa-apa cara sehingga kelihatan seolah-olah dia ialah pencipta idea itu.<br><br>5.3 Pelajar yang disabitkan atas mana-mana kesalahan di bawah kaedah ini oleh Pihak Berkuasa Tatatertib, Pelajar akan diberi Gred F bagi kursus yang berkenaan kesalahan itu dilakukan. | 6.3 Pelajar yang disabitkan atas mana-mana kesalahan di bawah kaedah ini oleh Pihak Berkuasa Tatatertib **akan diberi Gred F** bagi kursus yang berkenaan kesalahan itu dilakukan.<br><br>6.4 Perkara ini hendaklah dibaca bersama Garis Panduan Pengawasan Peperiksaan dan lain-lain peraturan yang berkuatkuasa. |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
| --- | --- | --- |
| | **6. Keputusan Peperiksaan**<br><br>Keputusan peperiksaan yang diluluskan oleh Senat adalah muktamad.<br><br>**7. Peperiksaan Khas**<br><br>7.1 Universiti boleh membenarkan Peperiksaan Khas kepada pelajar semester akhir yang gagal satu (1) atau maksimum dua (2) kursus pada semester berkenaan (semester akhir) untuk tujuan pengijazahan.<br><br>7.2 Peperiksaan Khas boleh diduduki sekali sahaja dengan bayaran RM50.00 dan pelajar perlu mengemukakan permohonan dalam tempoh dua minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan.<br><br>7.3 Bagi kursus yang ada peperiksaan akhir, gred maksimum yang akan diberikan adalah Gred C+.<br><br>7.4 Bagi kursus yang tiada peperiksaan akhir, pelajar layak diberikan tugasan untuk tujuan penilaian dan gred maksimum yang akan diberikan adalah gred C+.<br><br>7.5 Keputusan asal yang berkaitan dimansuhkan dan tidak dicatatkan dalam transkrip. | **7. Keputusan Peperiksaan**<br><br>Keputusan peperiksaan yang diluluskan oleh Senat adalah muktamad.<br><br>**8. Peperiksaan Khas**<br><br>8.1 Universiti boleh membenarkan Peperiksaan Khas kepada pelajar semester akhir yang gagal satu (1) atau maksimum dua (2) kursus pada semester berkenaan (semester akhir) untuk tujuan pengijazahan.<br><br>8.2 Peperiksaan Khas boleh diduduki sekali sahaja dengan bayaran RM50.00 dan pelajar perlu mengemukakan permohonan dalam tempoh dua minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan.<br><br>8.3 Bagi kursus yang tiada peperiksaan akhir, pelajar layak diberikan tugasan untuk tujuan penilaian.<br><br>8.4 Keputusan asal yang berkaitan dimansuhkan dan gred semasa dicatatkan dalam transkrip. |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | **8. Peperiksaan Gantian**<br><br>8.1 Universiti boleh membenarkan Peperiksaan Gantian dengan kelulusan Dekan bagi kes-kes berikut:-<br><br>8.1.1 Pelajar yang tidak dapat hadir peperiksaan dengan alasan yang kukuh dan diluluskan oleh Dekan.<br><br>8.1.2 Pelajar yang menghadapi masalah kesihatan dan telah mendapat pengesahan daripada pegawai perubatan kerajaan atau Universiti bahawa pelajar tersebut tidak berupaya dari segi mental atau fizikalnya.<br><br>8.1.3 Pelajar yang kematian ibu atau bapa atau ahli keluarga terdekat.<br><br>8.1.4 Sebab-sebab lain yang tidak memungkinkan pelajar menghadiri peperiksaan.<br><br>8.1.5 Menjalankan apa-apa aktiviti yang diarahkan oleh Universiti. Pelajar boleh menduduki Peperiksaan Gantian lebih awal. | **9. Peperiksaan Gantian**<br><br>9.1 Universiti boleh membenarkan Peperiksaan Gantian dengan kelulusan Dekan bagi kes-kes berikut:-<br><br>9.1.1 Pelajar yang tidak dapat hadir peperiksaan dengan alasan yang kukuh dan diluluskan oleh Dekan.<br><br>9.1.2 Pelajar yang menghadapi masalah kesihatan dan telah mendapat pengesahan daripada pegawai perubatan kerajaan atau Universiti bahawa pelajar tersebut tidak berupaya dari segi mental atau fizikalnya.<br><br>9.1.3 Pelajar yang kematian ibu bapa/penjaga atau adik beradik.<br><br>9.1.4 Menjalankan apa-apa aktiviti yang diarahkan oleh Universiti. Pelajar boleh menduduki Peperiksaan Gantian lebih awal.<br><br>9.2 Peperiksaan Gantian boleh diadakan dalam tempoh dua (2) minggu selepas tarikh asal peperiksaan tersebut berlangsung.<br><br>9.3 Peperiksaan Gantian hanya boleh diduduki sekali sahaja pada semester tersebut. Sekiranya gagal, pelajar wajib mengulang kursus tersebut.<br><br>9.4 Markah Peperiksaan Gantian hanya menggantikan komponen peperiksaan akhir sahaja. |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
| --- | --- | --- |
| | 8.2 Peperiksaan Gantian akan diadakan dalam tempoh dua (2) minggu selepas tamat minggu peperiksaan.<br><br>8.3 Peperiksaan Gantian hanya boleh diduduki sekali sahaja. Sekiranya masih gagal, pelajar wajib mengulang kursus tersebut.<br><br>8.4 Markah Peperiksaan Gantian hanya menggantikan komponen peperiksaan akhir sahaja. | |
| | **9. Rayuan Semakan Keputusan Akhir Kursus**<br><br>9.1 Rayuan boleh dibuat kepada Bahagian Hal Ehwal Akademik menggunakan borang dalam tempoh satu (1) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan.<br><br>9.2 Setiap rayuan dikenakan bayaran RM100.00 bagi setiap kursus.<br><br>9.3 Rayuan semak semula hanya dibenarkan bagi kursus yang ada peperiksaan akhir sahaja.<br><br>9.4 Gred sebenar yang diputuskan Senat akan diambil kira dalam pengiraan PNGS dan PNGK.<br><br>9.5 Keputusan rayuan yang diluluskan Senat adalah muktamad. | **10. Rayuan Semakan Keputusan Akhir Kursus**<br><br>10.1 Rayuan boleh dibuat kepada Bahagian Hal Ehwal Akademik menggunakan borang dalam tempoh satu (1) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan.<br><br>10.2 Setiap rayuan dikenakan bayaran RM100.00 bagi setiap kursus.<br><br>10.3 **Rayuan semak semula hanya dibenarkan bagi kursus yang ada peperiksaan akhir sahaja**.<br><br>10.4 Gred sebenar yang diputuskan Senat akan diambil kira dalam pengiraan PNGS dan PNGK.<br><br>10.5 Keputusan rayuan yang diluluskan Senat adalah muktamad. |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|

## ASAL (TAHUN 2021)

**10. Penilaian Akademik Secara Berterusan**

10.1 Pelajar wajib menyempurnakan semua kerja kursus, tugasan, kuiz, projek dan lain-lain tugasan yang ditetapkan dalam sesuatu kursus.

10.2 Keputusan pentaksiran perlu dipaparkan kepada pelajar selewat-lewatnya pada minggu ketiga belas (13).

**11. Penilaian Gred Kursus**

11.1 Julat Markah, Gred dan Nilai Gred yang diberikan kepada sesuatu kursus adalah seperti berikut :-

***Jadual 3: Penilaian Gred Kursus***

| Julat Markah | Gred | Nilai Gred |
|---|---|---|
| 80 – 100 | A | 4.00 |
| 75 – 79 | A- | 3.75 |
| 70 – 74 | B+ | 3.50 |
| 65 – 69 | B | 3.00 |
| 60 – 64 | B- | 2.75 |
| 55 – 59 | C+ | 2.50 |
| 50 – 54 | C | 2.00 |
| 45 – 49 | C- | 1.75 |
| 40 – 44 | D+ | 1.50 |
| 35 – 39 | D | 1.00 |
| 0 – 34 | F | 0.00 |

## BAHARU (TAHUN 2023)

**11. Penilaian Akademik Secara Berterusan**

11.1 Pelajar wajib menyempurnakan semua kerja kursus, tugasan, kuiz, projek dan tugasan lain yang ditetapkan dalam sesuatu kursus.

11.2 Keputusan kerja kursus/pentaksiran berterusan perlu dipaparkan kepada pelajar **selewat-lewatnya pada minggu ke-13 bagi semester panjang dan pada minggu ke-6 bagi semester pendek.**

**12. Penilaian Gred Kursus**

12.1 Julat Markah, Gred dan Nilai Gred yang diberikan kepada sesuatu kursus adalah seperti berikut:-

**Jadual 3: Penilaian Gred Kursus**

| Julat Markah | Gred | Nilai Gred |
|---|---|---|
| 80 – 100 | A | 4.00 |
| 75 – 79 | A- | 3.75 |
| 70 – 74 | B+ | 3.50 |
| 65 – 69 | B | 3.00 |
| 60 – 64 | B- | 2.75 |
| 55 – 59 | C+ | 2.50 |
| 50 – 54 | C | 2.00 |
| 45 – 49 | C- | 1.75 |
| 40 – 44 | D+ | 1.50 |
| 35 – 39 | D | 1.00 |
| 0 – 34 | F | 0.00 |

| PERKARA | ASAL<br>(TAHUN 2021) | BAHARU<br>(TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | 11.2 Deskripsi status keputusan peperiksaan:<br><br>L : Lulus<br>PK : Pengecualian Kredit<br>TL : Tidak Lengkap<br>SM : Sedang Maju<br>U : Kursus Audit<br>KA : Kecurangan Akademik.<br>PMK : Pemindahan Kredit<br>CTA : *Credit Transfer* (APEL)<br>*Nota : Bagi status KA akan diberi nilai gred 0.00 dan akan diambil kira dalam pengiraan PNGS dan PNGK.*<br><br>11.3 Pemberian gred F turut diberikan kepada kes berikut iaitu:<br><br>**Kes** / **Gred**<br>Pelajar yang tidak hadir peperiksaan akhir bagi kursus berkaitan walaupun kerja kursus, tugasan, kuiz, projek dan tugasan lain yang ditetapkan oleh fakulti dilaksanakan. / F<br>Pelajar yang dihalang menduduki peperiksaan akhir atas sebab kehadiran ke kuliah yang tidak mencukupi 80%. / F<br>Pelajar yang tidak mencukupi 80% kehadiran ke kuliah bagi kursus yang tiada peperiksaan akhir. / F | 12.2 Deskripsi status keputusan peperiksaan:<br><br>L : Lulus<br>PK : Pengecualian Kredit<br>TL : Tidak Lengkap<br>SM : Sedang Maju<br>U : Lulus Kursus Audit<br>XU : Gagal Kursus Audit<br>KA : Kecurangan Akademik.<br>PMK : Pemindahan Kredit<br>CTA : *Credit Transfer* (APEL)<br>*Nota: Bagi status KA akan diberi nilai gred 0.00 dan akan diambil kira dalam pengiraan PNGS dan PNGK.*<br><br>12.3 Pemberian Gred F turut diberikan kepada kes berikut iaitu:<br><br>**KES** / **GRED**<br>Pelajar yang tidak hadir peperiksaan akhir bagi kursus berkaitan walaupun kerja kursus, tugasan, kuiz, projek dan tugasan lain yang ditetapkan oleh fakulti dilaksanakan. / F<br>Pelajar yang dihalang menduduki peperiksaan akhir atas sebab kehadiran ke kuliah yang tidak mencukupi 80%. / F<br>Pelajar yang tidak mencukupi 80% kehadiran ke kuliah bagi kursus yang tiada peperiksaan akhir. / F |

<table>
<tr><th>PERKARA</th><th>ASAL<br>(TAHUN 2021)</th><th>BAHARU<br>(TAHUN 2023)</th></tr>
<tr><td></td><td>12. Penilaian Tanpa Nilai Gred<br><br>Status kursus yang tidak diambil kira dalam pengiraan PNGS dan PNGK:<br><br><table>
<tr><td>L/G (Lulus/ Gagal)</td><td>gred yang diberikan kepada pelajar-pelajar yang mengambil kursus yang keputusannya tidak digredkan tetapi hanya diberi catatan "lulus" atau "gagal" sahaja.</td></tr>
<tr><td>TL (Tidak Lengkap)</td><td>gred yang diberikan dengan kebenaran Dekan kepada pelajar yang telah dapat menyelesaikan sekurang-kurangnya 70% daripada keperluan kursus atas alasan yang munasabah. Pelajar perlu melengkapkan tugasan tersebut selewat-lewatnya dua (2) minggu selepas tamat minggu peperiksaan bagi semester berkenaan dengan kebenaran Dekan. Fakulti perlu menyerahkan markah kepada Bahagian Hal Ehwal Akademik dalam tempoh dua (2) minggu selepas pelajar menyelesai dan menghantar tugasan.</td></tr>
<tr><td>SM (Sedang Maju)</td><td>gred yang digunakan bagi sesuatu kursus yang tempohnya melebihi satu semester. Gred sebenar diberikan setelah kursus tersebut selesai.</td></tr>
<tr><td>U (Audit)</td><td>gred yang diberikan kepada pelajar yang mendaftar dan menghadiri kursus serta memenuhi syarat audit.</td></tr>
</table></td><td>13. Penilaian Tanpa Nilai Gred<br><br>Status kursus yang tidak diambil kira dalam pengiraan PNGS dan PNGK:-<br><br>L/G (Lulus/Gagal)<br><br>gred yang diberikan kepada pelajar-pelajar yang mengambil kursus yang keputusannya tidak digredkan tetapi hanya diberi catatan "lulus" atau "gagal" sahaja.<br><br>TL (Tidak Lengkap)<br><br>gred yang diberikan dengan kebenaran Dekan kepada pelajar yang telah dapat menyelesaikan sekurang-kurangnya 70% daripada keperluan kursus atas alasan yang munasabah. Pelajar perlu melengkapkan tugasan tersebut selewat-lewatnya dua (2) minggu selepas tamat minggu peperiksaan bagi semester berkenaan dengan kebenaran Dekan. Fakulti perlu menyerahkan markah kepada Bahagian Hal Ehwal Akademik dalam tempoh dua (2) minggu selepas pelajar menyelesaikan dan menghantar tugasan.<br><br>SM (Sedang Maju)<br><br>gred yang digunakan bagi sesuatu kursus yang tempohnya melebihi satu semester. Gred sebenar diberikan setelah kursus tersebut selesai.<br><br>U (Audit)</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>PERKARA</th><th>ASAL<br>(TAHUN 2021)</th><th>BAHARU<br>(TAHUN 2023)</th></tr>
<tr><td></td><td>
<table>
<tr><td>CTA [Credit Transfer (APEL)]</td><td>Gred yang diberikan kepada pelajar yang mendapat pindah kredit dalam APEL (C)</td></tr>
</table>
<br>
13. Sistem Penilaian dan Purata Nilai Gred (PNG)<br><br>
Semua kursus akan diambil kira dalam Purata Nilai Gred Semester (PNGS) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK).<br><br>
13.1 Rumus untuk mengira PNGS dan PNGK adalah seperti berikut :-<br><br>
$$\text{PNGS} = \frac{\text{Jumlah Nilai Gred Satu Semester}}{\text{Jumlah Kredit Yang Diambil Pada Semester Berkenaan}}$$<br>
$$\text{PNGK} = \frac{\text{Jumlah Nilai Gred Keseluruhan Semester}}{\text{Jumlah Kredit yang Diambil Pada Semua Semester}}$$<br>
13.2 Kaedah pengiraan PNGS dan PNGK adalah seperti <u>Jadual II</u>
</td><td>
gred yang diberikan kepada pelajar yang mendaftar dan memenuhi syarat audit. Maklumat kursus tidak akan dicatatkan dalam transkrip bagi pelajar yang tidak memenuhi keperluan kursus.<br><br>
CTA [Credit Transfer (APEL)]<br><br>
Gred yang diberikan kepada pelajar yang mendapat pindah kredit dalam APEL.C.<br><br>
CTM [Credit Transfer MOOC/Micro-credentials]<br><br>
Gred yang diberikan kepada pelajar yang mendapat pindah kredit dalam Massive Open Online Course (MOOC)/Micro-credentials<br><br>
14. Sistem Penilaian dan Purata Nilai Gred (PNG)<br><br>
Semua kursus akan diambil kira dalam Purata Nilai Gred Semester (PNGS) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK).<br><br>
14.1 Rumus untuk mengira PNGS dan PNGK adalah seperti berikut :-<br><br>
$$\text{PNGS} = \frac{\text{Jumlah Nilai Gred Satu Semester}}{\text{Jumlah Kredit Yang Diambil Pada Semester Berkenaan}}$$<br>
$$\text{PNGK} = \frac{\text{Jumlah Nilai Gred Satu Keseluruhan}}{\text{Jumlah Kredit Yang Diambil Pada Semua Semester}}$$<br>
14.2 Simulasi kaedah pengiraan PNGS dan PNGK adalah seperti <u>Jadual II</u>
</td></tr>
</table>

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | **14. Status Pengajian**<br><br>Status pelajar pada setiap semester adalah berdasarkan prestasi akademiknya pada semester berkenaan dan status pada semester sebelumnya. Status pelajar diklasifikasikan berdasarkan purata nilai gred. Ringkasan Status seperti di bawah:<br><br>**14.1 Status Lulus**<br><br>Seseorang pelajar adalah Lulus dan dibenarkan meneruskan pengajian jika mendapat PNGK 2.00 atau lebih.<br><br>**14.2 Status Amaran**<br><br>Pelajar yang memperoleh PNGK antara 1.70 - 1.99 akan diberi status Amaran. Status Amaran akan bertukar kepada status Percubaan jika pelajar gagal mendapat PNGK 2.00 pada akhir semester status Amaran itu.<br><br>**14.3 Status Percubaan**<br><br>Pelajar yang mendapat PNGK antara 1.00 hingga 1.69 akan diberi status Percubaan. Pelajar status Percubaan akan diberhentikan mengikut penetapan Senat jika gagal mendapat PNGK 1.70 atau lebih untuk semester status Percubaan itu. | **15. Status Pengajian**<br><br>Status pelajar pada setiap semester adalah berdasarkan prestasi akademiknya pada semester berkenaan dan status pada semester sebelumnya. Status pelajar diklasifikasikan berdasarkan purata nilai gred. Ringkasan Status seperti di bawah:<br><br>**15.1 Status Lulus (L)**<br><br>Seseorang pelajar adalah Lulus dan dibenarkan meneruskan pengajian jika mendapat PNGK 2.00 atau lebih.<br><br>**15.2 Status Amaran (A)**<br><br>Pelajar yang memperoleh PNGK antara 1.70 hingga 1.99 akan diberi status Amaran. Status Amaran akan bertukar kepada status Percubaan jika pelajar gagal mendapat PNGK 2.00 pada akhir semester status Amaran itu.<br><br>**15.3 Status Percubaan (P)**<br><br>Pelajar yang mendapat PNGK antara 1.00 hingga 1.69 akan diberi status Percubaan. Pelajar status Percubaan akan diberhentikan mengikut penetapan Senat jika gagal mendapat PNGK 1.70 atau lebih untuk semester status Percubaan itu.<br><br>Perkara 15.3 dibaca bersama 15.4. |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | Perkara 14.3 dibaca bersama 14.2 dan 14.4.<br><br>**14.4 Status Gagal dan Diberhentikan (FO) dan Diberhentikan (DB)**<br><br>i. Seseorang pelajar adalah Gagal dan Diberhentikan (FO) jika:<br><br>a. mendapat PNGK kurang daripada 1.00; atau<br>b. mendapat PNGK kurang daripada 1.70 dan berada dalam status Percubaan pada semester sebelumnya.<br><br>ii. Seseorang pelajar adalah Diberhentikan (DB) jika:<br><br>a. pelajar masih memperoleh gred B- dan ke bawah dalam Praktikum/Latihan Mengajar setelah mendaftar dan mengikuti program tersebut sebanyak dua (2) kali.<br><br>b. pelajar masih memperoleh gred C dan ke bawah dalam Latihan Industri setelah mendaftar dan mengikuti program tersebut sebanyak dua (2) kali.<br><br>c. pelajar yang tidak dapat menamatkan pengajiannya dalam tempoh sembilan (9) semester. | **15.4 Status Gagal dan Diberhentikan/*Fail and Out* (FO)**<br><br>Seseorang pelajar adalah Gagal dan diberhentikan/*Fail and Out* (FO) jika:<br><br>a. mendapat PNGK kurang daripada 1.00; atau<br>b. mendapat PNGK kurang daripada 1.70 dan berada dalam status Percubaan pada semester sebelumnya; atau<br>c. tiga (3) kali berturut-turut berada pada PNGK 1.70 – 1.99.<br><br>**15.5 Status Diberhentikan (DB)**<br><br>Seseorang pelajar adalah Diberhentikan (DB) jika:<br><br>a. masih memperoleh gred B- dan ke bawah dalam Praktikum / Latihan Mengajar / Latihan Industri atau yang setara setelah mendaftar dan mengikuti program tersebut sebanyak dua (2) kali.<br><br>b. pelajar yang tidak dapat menamatkan pengajiannya dalam tempoh 9 semester. |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | **15. Rayuan Meneruskan Pengajian**<br><br>15.1 Pelajar yang Gagal dan Diberhentikan (FO) atau Diberhentikan (DB) boleh membuat rayuan kepada Universiti melalui Dekan Fakulti secara bertulis.<br><br>15.2 Perkara 15.1 adalah tertakluk selama pelajar masih berada dalam tempoh pengajian. (Rujuk Perkara 2 Kaedah Universiti, maksimum 12 semester bagi sarjana muda dan 9 semester bagi diploma).<br><br>15.3 Walau apapun yang dinyatakan pada klausa 15.1 dan 15.2, keputusan rayuan adalah tertakluk kepada Senat Universiti. | **16. Rayuan Meneruskan Pengajian**<br><br>16.1 Pelajar yang Gagal dan Diberhentikan/Fail and Out (FO) atau Diberhentikan (DB) boleh membuat rayuan kepada Universiti melalui Dekan Fakulti secara bertulis dalam tempoh dua (2) minggu selepas keputusan peperiksaan diluluskan oleh Senat.<br><br>16.2 Perkara 16.1 adalah tertakluk selama pelajar masih berada dalam tempoh pengajian. (Rujuk Perkara 2 Kaedah Universiti, tempoh pengajian bagi program sarjana muda adalah 4 hingga 9 semester).<br><br>16.3 Permohonan yang lewat diterima iaitu melebihi empat (4) minggu selepas keputusan peperiksaan diluluskan oleh Senat TIDAK AKAN diproses oleh BHEA.<br><br>16.4 Sekiranya permohonan pelajar diluluskan Senat, pelajar akan diberikan status tangguh pada semester berikutnya untuk melengkapkan proses rayuan dan semester tangguh tersebut adalah diambil kira dalam pengiraan jumlah semester. |
| | **16. Sijil Dekan**<br><br>16.1 Pelajar yang memperoleh PNGS 3.50 - 4.00 bagi semester berkenaan tertakluk dengan jumlah minimum dua belas (12) kredit.<br><br>16.2 Pelajar tidak disabitkan dengan tindakan tatatertib pada semester berkenaan. | **17. Sijil Dekan**<br><br>17.1 Pelajar yang memperoleh PNGS 3.50 - 4.00 bagi semester berkenaan tertakluk dengan jumlah minimum dua belas (12) kredit.<br><br>17.2 Pelajar tidak disabitkan dengan tindakan tatatertib pada semester berkenaan. |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| PENGIJAZAHAN | **1. Syarat-syarat Bergraduat**<br><br>Seseorang pelajar hendaklah menyempurnakan syarat-syarat berikut untuk tujuan bergraduat:<br><br>1.1 telah lulus semua kursus yang diwajibkan dalam struktur program pengajian.<br><br>1.2 mencapai PNGK 2.00 ke atas;<br><br>1.3 memenuhi apa-apa peraturan program, jika ada;<br><br>1.4 diperakui untuk dianugerahkan Diploma oleh Senat;<br><br>1.5 tidak disabitkan dengan kesalahan tatatertib. Pelajar yang telah melengkapkan struktur program pengajian dan dalam siasatan kesalahan tatatertib akan ditangguhkan daripada bergraduat sehingga selesai perbicaraan ke atasnya dan<br><br>1.6 Universiti mempunyai hak untuk menukar syarat-syarat bergaduat pada bila-bila masa sahaja. | **Kekal** |
| | **2. Anugerah Kecemerlangan**<br><br>Pelajar akan menerima anugerah berikut tertakluk kepada kriteria yang telah ditetapkan oleh Universiti iaitu:<br><br>**Anugerah Graduan Terbaik Diploma**<br><br>i. Seorang pelajar yang mendapat pencapaian akademik iaitu PNGK 3.70; | **Kekal** |

| PERKARA | ASAL (TAHUN 2021) | BAHARU (TAHUN 2023) |
|---|---|---|
| | ii. Penglibatan aktif dalam ko-kurikulum;<br>iii. Penilaian: 90% pencapaian akademik dan 10% penglibatan ko-kurikulum dan<br>iv. Bebas daripada tindakan tatatertib Universiti | |
| | **3. Skrol dan Transkrip**<br><br>3.1 Skrol, transkrip dan salinan rekod akademik atau maklumat yang berkaitan tidak akan dikeluarkan sekiranya pelajar masih mempunyai apa-apa hutang dengan universiti termasuk bayaran denda seperti dalam **Jadual III.**<br><br>3.2 Pelajar boleh mendapatkan apa-apa salinan dokumen yang dibenarkan oleh universiti berkaitan pengijazahan dengan membuat bayaran mengikut kadar yang ditetapkan.<br><br>3.3 Tertakluk kepada perkara 3.2, pelajar boleh mengemukakan permohonan dengan melampirkan dokumen sokongan daripada pihak-pihak berkuasa yang berkaitan. | **3. Surat Tamat Pengajian, Transkrip dan Skrol**<br><br>3.1 Surat Tamat Pengajian akan dikeluarkan setelah keputusan pelajar disahkan oleh Senat.<br><br>3.2 Transkrip dan Skrol tidak akan dikeluarkan sekiranya pelajar masih mempunyai hutang dengan universiti termasuk bayaran denda seperti dalam **Jadual III.**<br><br>3.3 Pelajar boleh mendapatkan salinan dokumen yang dibenarkan oleh universiti berkaitan pengijazahan dengan membuat bayaran mengikut kadar yang ditetapkan.<br><br>3.4 Tertakluk kepada perkara 3.3, pelajar boleh mengemukakan permohonan dengan melampirkan dokumen sokongan daripada pihak-pihak berkuasa yang berkaitan. |
| | **Tiada** | **4. Yuran Konvokesyen**<br><br>4.1 Graduan perlu menjelaskan yuran konvokesyen sebelum mengambil transkrip atau pakaian akademik.<br><br>4.2 Kadar yuran konvokesyen adalah seperti di **Jadual IV.**<br><br>4.3 Universiti mempunyai hak untuk membuat pindaan kadar yuran konvokesyen pada bila-bila masa. |

## 4.0 KEPUTUSAN SENAT

Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju memperaku dan meluluskan Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perkara Akademik) Peringkat Sarjana Muda dan Diploma seperti di **LAMPIRAN A** dan **LAMPIRAN B**.

## 5.0 TARIKH KUASA

Surat Pekeliling ini mula berkuat kuasa pada 12 September 2023.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**
**"PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN"**

**(PUAN SUHAILA SIDEK)**
Ketua Timbalan Pendaftar
Bahagian Hal Ehwal Akademik
Tarikh: 12 September 2023

# LAMPIRAN A

# LAMPIRAN B